



MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1581]

USUL:

Jawatankuasa Pilihan Mengenai Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian bagi Orang-orang Bukan Islam—Lantikan Semula [Ruangan 1592]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 [Ruangan 1593]

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Isnin, 4hb Februari, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK FOO SEE MOI, D.F.M.K., J.P. (Dilantik).

.. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).

.. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).

.. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

.. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANIONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

.. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).

.. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

.. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

.. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

.. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).

.. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).

.. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).

.. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

.. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).

.. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).

.. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

.. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).

.. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

.. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

.. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).

.. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).

.. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

.. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).

.. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).

.. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).

.. DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

.. TUAN TING MING HIA (Sarawak).

.. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).

.. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

.. DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).

.. TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).

- Yang Berhormat DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK KHOO SAIK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

WARGANEGARA—PERMOHONAN

1. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan untuk mendapatkan kerakyatan dengan menggunakan Borang "G" yang masih belum diproseskan lagi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu saya suka menyatakan bahawa tidak ada permohonan samada yang menggunakan borang "G" iaitu permohonan-permohonan untuk menjadi warganegara cara masukan yang dibuat di bawah Perkara 19 atau permohonan-permohonan cara pendaftaran yang masih belum diproseskan. Semua permohonan yang telah diterima dari Pejabat-pejabat peringkat Daerah adalah sedang diproses dan tidak ada yang dibekukan.

JENAYAH—PERANGKAAN KES-KES

2. **Tuan Ibrahim bin Yaacob** meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa bilangan kes-kes jenayah makin bertambah di negara kita dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, turun dan meningkatnya bilangan kejadian jenayah di negeri ini haruslah dikaji bersama-sama dengan beberapa faktor yang ujud yang semestinya berkaitan di antara satu sama lain, seumpama bilangan penduduk, kemajuan pembangunan, ekonomi, perniagaan dan pembinaan jalanraya. Dalam pada itu keadaan di negeri-negeri asing juga mempengaruhi kedudukan jenayah di negeri ini.

Mengikut peredaran masa jenayah telahpun menjadi "sophisticated" dan memerlukan tindakan dan usaha yang "sophisticated" juga. Tindakan sedang diambil untuk memodenkan teknik-teknik ke arah ini, termasuk menggubal undang-undang yang sesuai.

Saya telah meneliti perangkaan kes-kes jenayah yang telah berlaku di negeri ini daripada tahun 1968 hingga 1973 dan saya dapati tidaklah benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu jenayah makin bertambah tetapi sebaliknya di dalam beberapa jenis jenayah menunjukkan berkurangnya bilangan kejadian jenayah, kecuali kes-kes kecurian kenderaan.

Memandangkan betapa pesatnya negara kita sedang meningkat maju, saya berpuas-hati bahawa keadaan jenayah pada keseluruhannya adalah terkawal.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya tidak dapat menerima pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkata bahawa jenayah tidak bertambah. Kalau dikaji dan dibandingkan dengan masa-masa yang lepas, mengikut apa yang saya tahu saya belum dengar lagi masa-masa dahulu budak-budak yang pergi ke sekolah tidak dapat berjalan melainkan berkumpul dan berjalan beramai-ramai oleh kerana kadang-kadang budak-budak yang pergi ke sekolah juga ditikam dengan pisau sehingga mati. Akan tetapi, sekarang ini kalau diperhatikan kebanyakan daripada motokar-motokar yang ada di Kuala Lumpur ini hampir semuanya tidak ada hub cap, kerana satu daripada kecurian yang selalu berlaku di Kuala Lumpur ialah mencuri hub cap motokar. Saya sendiri telah mengalami yang mana 4 hub cap motokar saya telah dicuri di Petaling Jaya, dan oleh kerana kebanyakan orang seperti saya juga tidak menganggap ini perkara yang berat yang patut dilaporkan kepada polis, maka perkara ini berlaku berpanjangan. Oleh itu, adakah pihak Kementerian ini akan mengambil tindakan supaya keadaan di dalam Kuala Lumpur terutamanya, tidak mengancam penduduk-penduduk seperti kanak-kanak yang pergi ke sekolah?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan dalam jawapan tadi ialah secara umum dan tidaklah tertentu bagi satu-satu perkara seperti kecurian hub cap seperti yang disebutkan oleh Ahli

Yang Berhormat itu. Sebagai contoh berkurangnya kejadian ini, saya suka menyebutkan satu dua yang ada di hadapan saya ini seperti berikut:

	1968	1973
<i>Pembunuhan ...</i>	161	127
<i>Samun berkawan ...</i>	284	165
<i>Samun ...</i>	1,977	1,402
<i>Peras ugut ...</i>	984	387
<i>Pecah rumah dan mencuri ...</i>	8,507	8,352

Cuma yang naik seperti yang saya sebutkan tadi ialah kecurian kenderaan, barangkali termasuklah hub cap motokar Ahli Yang Berhormat itu iaitu pada tahun 1968—1,698; pada tahun 1973—2,929.

Kecurian-kecurian kecil yang lain pada tahun 1968—16,048; manakala tahun 1973—15,886.

Di atas perhatian Ahli Yang Berhormat itu mengenai dengan kecurian-kecurian kenderaan dan lain-lain yang kecil-kecil termasuk radio, taperecorder dan sebagainya, saya harap tuan-tuan punya kereta yang meletakkan kereta bermalaman ataupun sebentar-sebentar haruslah berhati-hati, kerana pihak polis memang sentiasa mengawal hal itu, tetapi tentulah pihak polis tidak dapat untuk memerhatikan satu dua motokar yang tertentu. Oleh itu, saya harap kejadian-kejadian yang seumpama ini tidak banyak lagi berlaku dan harus berkurangan kerana pihak polis memang sentiasa mengawal, tetapi tidak dapat dinafikan kereta-kereta yang tersorok letaknya tentulah di luar pandangan polis.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Kalau kita baca suratkhbar tiap-tiap hari, kita selalu mendapat tahu kejadian rompakan kedai emas dan sebagainya. Pada pandangan saya kejadian merompak dan kecurian-kecurian kian bertambah. Oleh itu, adakah Kerajaan mengambil satu langkah supaya melebihi penalti yang dikenakan itu seperti daripada 5 tahun ditambah jadi 10 tahun supaya orang-orang yang hendak mencuri itu takut sedikit. Tidakkah boleh diambil langkah begitu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah berkenaan dengan jenayah ataupun Penal Code dan Undang-undang berkenaan dengan Senjatapi adalah tanggungjawab saya.

Kerajaan sekarang dan saya juga sedang mengkaji pindaan kepada Undang-undang Senjatapi, 1971 yang kita telah luluskan dahulu. Sungguhpun hukuman itu berat dan satu daripadanya ialah sesiapa yang menembak mengguna senjatapi dengan tembakan dalam masa merompak atau mencuri dengan niat hendak membunuh, hukunya ialah hukum gantung, tetapi saya bersetuju sebagaimana pendapat Ahli Yang Berhormat tadi jenayah menggunakan senjatapi sememang bertambah dari satu hari ke satu hari. Bertambah itu banyak sebabnya. Satu daripadanya dengan sebab ramainya manusia, majunya negara, banyak pula jenayah bertambah termasuk bertambah menggunakan pistol.

Kerajaan dan juga saya sekarang sedang menggubal satu Undang-undang yang akan di bawa kepada Parlimen yang akan datang untuk menambah hukuman yang jauh lebih berat lagi kepada sesiapa yang menggunakan senjatapi. Hukuman akan dicadangkan, misalnya, bagi menyimpan sahaja senjatapi dengan cara tidak berlesen atau membawa boleh dihukum tidak kurang daripada 6 rotan sebat dan boleh dihukum hingga 14 tahun.

Saya juga bercadang akan meminda yang lain, sesiapa yang membawa senjatapi semasa melakukan jenayah yang tertentu walaupun tidak digunakan boleh dihukum penjara seumur hidup dan tidak kurang daripada 6 rotan sebat, dan membawa senjatapi seperti pistol tiruan (toy pistol) menakutkan orang semasa menjalankan jenayah akan dihukum tidak kurang daripada 3 rotan sebat dan dipenjara hingga 10 tahun. Tiap-tiap hukuman itu tidak kurang daripada 6 rotan sebat dan pindaan hukuman penjara seumur hidup itu yang biasanya sekarang berjalan 20 tahun akan dipinda dan digantikan seumur hidup hingga dia mati dalam penjara, melainkan diampun oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku-tuanku. Itulah cadangan saya dan akan saya bawa pindaan Undang-undang itu kepada persidangan Parlimen yang akan datang, dan itulah saya fikir sehabis-habis berat hukuman yang belum pernah diadakan di dalam negara kita. Hukuman jel sehingga mati dalam jel belum pernah dibuat dalam negeri ini. Saya buat cadangan itu oleh kerana kebanyakan orang kaya yang kena ugut takut merepotkan kepada Kerajaan dengan alasan apabila perompak itu keluar

kelak akan membalas dendam kepadanya. Tetapi sekarang kalau dia dihukum sehingga mati di dalam jel, saksi-saksi dan juga orang-orang yang menjadi mangsa itu, saya percaya sanggup datang kedepan, kerana bila dihukum dia tahu orang itu tidak akan keluar lagi dari jel. Itulah jawapan saya.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Soalan tambahan. Bolehkah saya anggap bahawa kekurangan angka itu disebabkan dengan sistem-sistem baharu yang telah dikemukakan seperti "Sistem Salleh", mengadakan banyak lagi mobile patrol umpamanya, dan jikalau begitu apakah rancangan-rancangan yang lain bagi pihak polis mengadakan untuk membaiki sistem-sistem ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab kurangnya jenayah di Kuala Lumpur ini, saya telah diberitahu oleh kerana adanya "Sistem Salleh" yang dijalankan itu cukup memberi kesan. Dalam pada itu, pihak Polis sedang juga mencari jalan bagaimana supaya kekurangan kejadian jenayah. Sungguhpun jenayah mungkin tidak dapat dihapuskan langsung, tetapi dapat dikurangkan sebanyak-banyaknya, terutama sekali kereta-kereta peronda yang sekarang ini telah bertambah dengan banyaknya daripada masa yang lampau. Dan dengan adanya polis yang khas bagi Wilayah Ibukota ini adalah diharapkan mendatangkan kesan-kesan yang lebih baik. Tetapi dalam pada itu, kita harus ingat bahawa nampaknya dunia ini semakin maju dan semakin bertamaddun manusianya semakin banyak kejadian-kejadian jenayah, malah lebih pintar lagi daripada jenayah biasa yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertamaddun.

TUAK/KEDAI TUAK—KAWALAN

3. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kepada banyaknya aduan mengenai wanita-wanita selalu pergi ke kedai-kedai todi dan mabuk, samada Kerajaan akan mengadakan undang-undang untuk memberhentikan amalan ini di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak sedar bahawa sudah pun ada Per-

aturan-peraturan Eksais (Kawalan mengenai Tuak dan Kedai-kedai Tuak), 1970, iaitu satu perundangan kecil (subsidiary legislation) di bawah Akta Eksais, 1961 bagi mengawal perjualan tuak dan perjalanan kedai-kedai tuak. Di bawah perenggan 12 (a) Peraturan-peraturan itu, kedai-kedai tuak yang berlesen adalah dilarang menjual tuak kepada wanita-wanita serta juga kepada seorang yang mabuk dan orang yang berumur kurang daripada 16 tahun.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan. Saya nampak di tiap-tiap kedai tuak, kira-kira 20 kaki dari kedai tersebut banyak wanita menunggu. Wanita ini menghantar budak-budak atau suaminya atau kawan membeli tuak dan minum. Saya nampak banyak kedai tuak yang semacam ini. Adakah Kementerian mempunyai satu dasar dalam perkara ini, sebab minuman tuak telah disokong oleh doktor, ia mempunyai vitamin C dan saya nampak ia adalah satu national drink kerana semua bangsa ada minum tuak di kedai-kedai tuak. Bolehkah Kerajaan membuat national drink dan tiap-tiap pekan dibuatkan satu bangunan yang mempunyai air-conditioned dibuka sampai pukul 9.00 malam? Siapa yang suka dia boleh minum. Doktor mengatakan sesiapa yang minum satu botol satu hari badannya boleh kuat. Bolehkah Kerajaan membuat dasar ini menjadikan minuman tuak sebagai national drink? Sekarang ini kita ada mengeluarkan berjuta-juta ringgit untuk mengimpot minuman keras. Minuman todi ini, saya nampak mana-mana negeri banyak orang suka, dan specialist menyatakan todi boleh mengubati penyakit T.B. dan lain-lain penyakit.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah soalan lain.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin tahu di dalam zaman yang mana kita ingin supaya wanita dan lelaki dapat hak yang sama, adakah pihak Kerajaan akan menimbangkan supaya larangan ke atas wanita minum tuak ini akan dibatalkan?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada sebab-sebab yang tertentu mengapa wanita-wanita ini dilarang daripada minum tuak dan todi ini. Saya yakin juga bahawa Ahli Yang Berhormat

tentu sedar mengenai perkara ini dan masaalah samada kita hendak mengubah peraturan yang ada ini bagi membolehkan wanita-wanita juga dapat tempat di kedai-kedai tuak ini. saya rasa satu soal yang perlu ditimbang dengan sebaik-baiknya, tentunya kita mesti memikirkan akibat-akibat yang mungkin timbul jika sekiranya wanita-wanita juga diberi peluang masuk ke dalam kedai-kedai tuak ini. Sebagaimana yang kita maklum sedangkan lelaki pun apabila dia keluar daripada kedai tuak itu perkara-perkara yang berlaku kadangkala adalah perkara-perkara yang menyusahkan juga orangramai. Jadi, kalau lelakinya sudah begitu, kalau diberi pula wanita peluang untuk minum tuak ini, saya rasa keadaan yang lebih buruk lagi mungkin timbul. Jadi atas kepentingan masyarakat, maka saya rasa perkara ini adalah sulit untuk ditimbang.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan saya tadi masih belum dijawab.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Soalan tadi ialah tuak ini hendak dijadikan national drink; itu adalah satu soalan yang lain. Ahli Yang Berhormat ada menyebutkan tadi ada perempuan-perempuan yang menunggu di tempat yang lain di kawasan kedai tuak itu dan mendapat bekalan tuak melalui kanak-kanak dan sebagainya. Itu satu perkara yang saya fikir kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi bukti bahawa hal itu berlaku, kita akan cuba mengambil tindakan-tindakan yang perlu, kerana mengikut peraturan yang ada ini ada dua jenis kedai tuak. Satu kedai tuak Kerajaan yang mana pekerja-pekerja di kedai itu adalah pegawai Kerajaan. Kalau sekiranya mereka itu juga memberi minuman tuak ini kepada orang-orang yang dilarang, maka tindakan tatatertib boleh kita ambil terhadap mereka itu. Satu lagi jenis kedai tuak yang ada ialah kedai tuak di estet-estet dan yang mengawal perjalanan kedai tuak di estet ini ialah pihak Kastam sendiri. Dan jika sekiranya didapati bahawa kedai-kedai tuak di estet itu juga memberi minuman tuak kepada orang-orang yang dilarang, maka kalau didapati ada berlaku, kita akan mengambil tindakan yang sesuai, dan kalau perlu lesen kedai tuak itu kita akan batalkan.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, nampaknya Kerajaan cukup sedar bahawa sanya

minuman tuak itu apabila peminum tuak itu keluar daripada kedai tuak boleh menimbulkan kekacauan pada masyarakat. Jadi tentulah Kerajaan cukup sedar bahawa sanya kalau pihak perempuan pula diberi peluang dan keluar daripada kedai tuak itu dia akan bertambah merbahaya kepada masyarakat. Jika sudah Kerajaan sedar akan hal yang demikian, apakah Kerajaan sedang memikirkan atau akan menimbang patut dihapuskan beransur-ansur soal tadi seperti kita sedang bertindak terhadap dadah dan sebagainya?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soal menghapuskan itu juga adalah satu soalan yang lain, tetapi seperti saya katakan tadi kita sedar akan masaalah-masaalah yang ada, dan dengan sebab itulah perjalanan kedai-kedai tuak itu kita kawal dengan serapi-rapinya supaya masaalah yang mungkin timbul daripada perkara ini juga akan dapat kita kurangkan daripada semasa ke semasa.

PERUNTUKAN LAIN-LAIN BELANJA ULANG TAHUN (O.C.A.R.)

4. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang peruntukan lain-lain belanja ulang tahunan (O.C.A.R.) kepada semua sekolah-sekolah rendah dan menengah memandangkan kenaikan harga barang-barang.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini telah ditambah kepada semua sekolah-sekolah rendah dan menengah mulai daripada 1-1-1974.

SENIOR MIDDLE III—PEPERIKSAAN

5. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Lapuran Suruhanjaya Aziz supaya peperiksaan Senior Middle III di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) diadakan semula untuk membolehkan Kerajaan melatih guru-guru Cina untuk mengajar bahasa Cina di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Negeri ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru untuk mengajar bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) sedang dan telah dilatih seperti berikut:

- (a) Melalui kursus perguruan asas sepenuh masa dua tahun (kursus perkhidmat) yang diadakan di maktab-maktab perguruan tertentu.
- (b) Melalui kursus latihan perguruan dalam masa cuti bagi guru-guru sementara Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) iaitu kursus sambilan peringkat selama tiga tahun.

Calun-calun dipilih daripada mereka yang berkelulusan M.C.E. dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran bahasa Cina.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi dan yang saya dapati mengikut pakar-pakar pelajaran atau pendidikan yang mahir dalam bahasa Cina, penuntut yang lulus dalam peperiksaan M.C.E. dengan kelulusan dalam matapelajaran bahasa Cina sahaja tidak mencukupi kelayakan untuk bertanggungjawab sebagai guru Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), maka dengan ini mutu pelajaran makin lama makin turun, dan dengan itu saya ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil atau ditimbang oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan ini adalah kelulusan basic sahaja untuk M.C.E. dan mereka akan masuk dalam maktab perguruan dan akan diberi latihan yang cukup dan selepas itu pula guru-guru itu akan menghadiri kursus-kursus yang diatur oleh Kementerian Pelajaran dari semasa ke semasa.

UNIVERSITI MALAYA— PROFESSOR/PENSYARAH LETAK JAWATAN

6. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan Professor-professor dan Pensyarah-pensyarah yang telah meletak jawatan dari Universiti Malaya

dalam tahun 1973 dan Fakulti-fakulti yang terlibat;

- (b) di antara yang meletakkan jawatan itu berapakah orang-orang bumiputra, bukan bumiputra dan pegawai-pegawai asing;
- (c) sebab-sebab utama mereka meletak jawatan dan samada perletakan jawatan mereka telah disebabkan oleh kadar kenaikan pangkat yang lambat, sekim gaji yang tidak mencukupi dan had yang dikenakan kepada cuti tanpa gaji bagi mengikuti kursus di seberang Laut; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang sewajarnya Kementerian belau akan ambil untuk menghalang kehilangan cerdik pandai dan kehilangan kakitangan akademik yang berkelayakan tinggi di Universiti Malaya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 36 orang seperti berikut:

Fakulti	Jawatan	Jumlah
Undang-undang ...	Pensyarah ...	1
Pertanian ...	Professor ...	1
	Pensyarah ...	1
Kejuruteraan ...	Professor ...	1
Ekonomi dan Pentadbiran	Pensyarah ...	1
	Pensyarah ...	7
Sastera ...	Penolong Pensyarah ...	2
	Professor ...	1
	Pensyarah ...	3
Sains ...	Penolong Pensyarah ...	1
	Professor ...	1
Perubatan ...	Pensyarah ...	5
	Professor ...	3
	Pensyarah ...	5
	Penolong Pensyarah ...	3
Jumlah ...		36

- (b) 4 bumiputra.

19 bukan bumiputra.

13 pegawai asing. Bilangan pegawai-pegawai asing ini termasuk mereka yang tamat tempuh konterek pertamanya.

(c) Dari jumlah 36 orang ini, 6 telah meletakkan jawatan untuk memperolehi pengalaman di luar universiti atau untuk mengikuti kursus ijazah tinggi dengan tujuan untuk berkhidmat semula di Universiti Malaya. Yang lain meletak jawatan atas sebab-sebab sendirian dan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan perletakan jawatan mereka disebabkan oleh syarat-syarat perkhidmatan yang tidak memuaskan.

(d) Kadar perletakan jawatan sebanyak 36 orang daripada jumlah bilangan kakitangan akademik seramai 599 orang adalah merupakan kadar biasa yang dialami oleh sesebuah universiti. Walaupun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1968, sebuah Jawatankuasa telah dilantik oleh Majlis Universiti Malaya untuk mengkaji sebab-sebab kakitangan akademik Universiti itu meletakkan jawatan. Sebahagian besar dari syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut telahpun dilaksanakan oleh universiti yang berkenaan. Kebanyakan daripada syor-syor ini adalah berkait dengan pentadbiran dan hubungan kakitangan akademik dengan pihak berkuasa universiti.

Datuk Athi Nahappan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan seramai 36 orang yang keluar dari universiti kita itu adalah satu hal yang serious atau tidak, jika kita menimbangkan jumlah professor-professor atau pensyarah-pensyarah di universiti, adakah ratio itu besar atau kecil, adakah ianya serious atau tidak?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sekali pandang agak serious, tetapi dibandingkan dengan tahun 1968 maka tidaklah begitu serious dan setengah daripada 36 orang itu meletakkan jawatan kerana mereka menyambung pelajaran lagi untuk mereka balik ke Universiti Malaya semula apabila tamat kursus mereka di seberang laut.

USUL

JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN BAGI ORANG-ORANG BUKAN ISLAM—LANTIKAN SEMULA

Peguan Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan suatu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa walaupun Penggal Majlis dihentikan Jawatankuasa Pilihan yang dilantik pada 8hb Mei, 1973 bagi menimbang dan membuat syor-syor mengenai Laporan Suruhanjaya Di Raja bagi mengkaji Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian bagi Orang-orang Bukan Islam, hendaklah terus menjalankan kerjanya dalam Penggal yang akan datang ini dan hendaklah berusaha menyiapkan kerjanya sebelum akhir Penggal itu.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat sekalian masih ingat lagi bahawa pada 8hb Mei, 1973 Dewan ini telah melantik satu Jawatankuasa Pilihan yang terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (i) Y.B. Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof, Pengerusi,
- (ii) Y.B. Datuk Athi Nahappan,
- (iii) Y.B. Tuan Wong Seng Chow,
- (iv) Y.B. Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin, dan
- (v) Y.B. Datuk Dr Cheah Toon Lok sebagai ahli-ahlinya.

Jawatankuasa Pilihan ini diberi kuasa untuk menimbangkan laporan Suruhanjaya di Raja bagi mengkaji Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian bagi Orang-orang Bukan Islam dan membuat syor-syor mengennainya. Jawatankuasa Pilihan ini telah bermesyuarat bersama-sama dengan satu Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat yang dilantik bagi maksud yang sama. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat dan menemui orang ramai di Ipoh, di Pulau Pinang, di Seremban, di Melaka, Johor Bahru dan Kuala Lumpur, tetapi belum lagi menemui orang-orang ramai di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dan akan berbuat demikian dalam bulan Mac ini. Akan tetapi, Jawatankuasa ini, Tuan Yang di-Pertua, diberi tugas

untuk menyiapkan kerjanya sebelum akhir penggal sekarang dengan syarat bahawa jika sekiranya ini tidak mungkin Suruhanjaya hendaklah dilaporkan demikian itu kepada Majlis ini. Untuk mendapatkan kuasa supaya Jawatankuasa itu meneruskan kerjanya walaupun penggal Majlis dihentikan, saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan memohon Majlis ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa itu meneruskan kerjanya sehingga sebelum akhir penggal yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa walaupun Penggal Majlis dihentikan Jawatankuasa Pilihan yang dilantik pada 8hb Mei, 1973 bagi menimbang dan membuat syor-syor mengenai Laporan Suruhanjaya Di Raja bagi mengkaji Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian bagi Orang-orang Bukan Islam, hendaklah terus menjalankan kerjanya dalam Penggal yang akan datang ini dan hendaklah berusaha menyiapkan kerjanya sebelum akhir Penggal itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

Bacaan Kali Yang Kedua

3.04 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan ini telah maklum bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menerangkan tujuan-tujuan Rang Undang-undang ini di dalam Ucapan Belanjawan. Selain daripada itu, semua dokumen yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini telahpun diedarkan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ketika mengulung perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1974 ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga memberi

penjelasan terhadap masalah-masalah yang telah ditimbulkan di dalam perbahasan mengenainya.

Mengenai Anggaran Pembangunan pula, kos Rancangan Malaysia Kedua Tahun 1971-1975 telah dipinda daripada \$7,250 juta kepada \$9,350 juta. Kenaikan ini telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapannya apabila mengemukakan usul mengenai Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua pada 26hb November, 1973. Butir-butir lanjut boleh diperolehi di dalam dokumen Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua yang telah dibentangkan sebagai Kertas Perintah Tahun 1973. Oleh yang demikian, saya rasa tidaklah perlu saya membuat ucapan lagi dalam perkara yang sama.

Dengan yang demikian, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini sekarang terbuka untuk dibahaskan.

3.05 ptg.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1974 yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan kita dengan sepenuhnya.

Saya sudah merujuk kepada Kepala B. 20 berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Berikut tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran ialah akan mengelakkan dan memperbaiki rancangan-rancangan disegenap peringkat dari peringkat sekolah rendah, menengah dan tinggi. Bagi mencapai tujuan-tujuan di atas Kementerian Pelajaran akan meluluskan kegiatan-kegiatan seperti berikut:

1. Memperkembangkan serta mengukuhkan Sistem Pelajaran Kebangsaan;
2. Melaksanakan Dasar Pelajaran dengan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di sekolah-sekolah; dan
3. Memperbaiki sistem pelajaran dari segi kualiti dan kuantiti bagi semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan-tujuan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran adalah baik dan praktikal. Untuk penjelasan, saya suka merujuk kepada perkara yang kedua yang saya sebut tadi itu ialah melaksanakan Dasar Pelajaran dengan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di sekolah-sekolah. Saya hendak tahu samada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina akan menukar kualitinya pada bila-bila masa jika melaksanakan Dasar Pelajaran kelak. Saya ada beberapa perkara hendak kemukakan kepada pihak Kementerian untuk perhatian dan pertimbangan berikut:

1. Berkenaan dengan Latihan Guru. Mengikut jadual yang menunjukkan bilangan calon dari tahun 1973 hingga tahun 1974 yang menjalani kursus-kursus dalam perkhidmatan kepada 3 kategori guru seperti berikut—
 - (a) Kursus Perguruan Asas. Tahun 1973 adalah 1,980 orang dan tahun 1974 akan bertambah kepada 2,580 orang;
 - (b) Kursus Bahasa Malaysia, bagi tahun 1973 ialah sejumlah 900 orang dan tahun 1974, 1,250 orang;
 - (c) Kursus untuk meninggikan pengetahuan akademi dan ikhtisas bagi tahun 1973 ialah 33,560 orang dan bagi tahun 1974, 31,282 orang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara Kategori A iaitu pengambilan masuk kursus-kursus Perguruan Asas yang dijalankan pada masa cuti bagi Guru-guru Sementara yang tidak terlatih di dalam tahun 1974 hanya akan bertambah lebih 600 orang sahaja peserta dibandingkan dengan tahun 1973. Kita semua tahu bahawa kekurangan guru-guru sekolah istimewa sekolah-sekolah rendah amat serious di seluruh negeri pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pengambilan masuk ke kursus Perguruan Asas yang dijalankan dalam masa cuti bagi Guru-guru Sementara yang tidak terlatih bagi Guru-guru Bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah sangat kurang bagi tahun 1973 dan juga syarat-syarat masuk dihadkan kepada peserta-peserta sangat keras juga. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pelajaran akan mengambil masa semua

Guru-guru Sementara yang cukup kelayakan dari Sekolah-sekolah hendak Jenis Kebangsaan (Cina) dalam tahun 1974 ini dan dilonggarkanlah syarat-syarat masuk, oleh kerana Guru-guru Sementara tersebut itu amatlah ramai, lagi pada masa sekarang ini; memberi peluang kepada semua Guru-guru Sementara itu untuk dapat mereka kecekapan dan kemahiran yang lebih yang mereka sedang berkhidmat bagi mengajar murid-murid dengan menumpukan cara-cara dan teknik mengajar yang murid-murid dengan menumpukan cara-cara dan teknik mengajar yang lebih moden dan berkesan sesuai dengan perkhidmatannya dalam pelajaran pada masa sekarang sangatlah penting.

Yang kedua, berkenaan dengan sistem pertukaran guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sistem pertukaran guru yang dijalankan pada masa sekarang ini adalah kurang sihat sungguhpun tujuan Kementerian hendak menukar guru-guru yang sudah lama mengajar di luar-bandar ke bandar dan demikian juga sebaliknya. Langkah seperti ini telah dijalankan dalam tahun 1973 adalah dengan besar-besaran akan tetapi akibatnya bukan sahaja tidak puashati guru-guru yang kena ditukarkan itu bahkan terlibat dengan mengajar dan pentadbiran sekolah-sekolah yang berkenaan. Maka dengan ini saya ada beberapa cadangan kepada Kementerian Pelajaran untuk ditimbangkan:

- (a) Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran berhentikanlah pertukaran guru-guru yang beristeri atau bersuami dengan ada mempunyai anak dari luarbandar ke bandar ataupun dari bandar keluar bandar dengan sertamerta. Jikalau dilangsungkan perbuatan demikian itu, guru-guru yang terpaksa kena tukar itu mestilah tidak puashati kerana keluarganya ditinggalkan kebelakang dan akhirnya menjadi malas, dan pekerjaannya serta mengajarnya seterusnya murid-murid yang akan mendapat kerugian yang besar.

Yang ketiga, walaupun berikut Undang-undang Perkhidmatan dan Pentadbiran Am, kakitangan-kakitangan Kerajaan boleh ditukar ke mana-mana tempat di seluruh negeri, tetapi masaalah atau keadaan guru-guru dibandingkan dengan kakitangan-kakitangan Kerajaan lain adalah perbezaannya besar kerana tanggungjawab guru-guru

ialah tunjuk ajar pelajaran kepada murid-murid serta memperbentukkan kelakuan murid-murid supaya menjadikan mereka seorang rakyat yang baik dan berpengetahuan ilmu sivik, tetapi kakitangan-kakitangan Kerajaan lain hanya menjalankan tugas-tugas atau usaha-usaha untuk orangramai sahaja.

Jikalau ada sesiapa guru memohon untuk bertukar sendiri dengan sukarela ke mana-mana tempat patutlah Kementerian Pelajaran meluluskan permohonannya dengan secepat mungkin. Sekiranya tiga langkah yang tersebut di atas tadi dapat ditimbang oleh Kementerian Pelajaran, maka saya fikir hal tidak seimbangan akan tidak timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pengelola-pengelola Sekolah. Semua guru yang bukan kakitangan Kerajaan sebelum Perkhidmatan Pelajaran baharu atau Lapuran Gaji Aziz dilaksanakan telah dibenarkan masuk ke skim itu dengan Kategori C2 atau B1 dan sebagainya. Selepas mereka masuk ke skim tersebut itu mereka sudah menjadi kakitangan-kakitangan Kerajaan dan juga dapat masuk skim pencen tanpa melalui temu-duga P.S.C. Saya dapat tahu bahawa adalah Pengelola-pengelola Sekolah yang setaraf kelayakan sama dengan guru-guru masih ada sebahagian yang telah berkhidmat 10 tahun lebih tidak dapat masuk ke kategori C2 itu dalam skim Gaji Aziz itu dan menjadikan mereka kakitangan kakitangan Kerajaan Sementara sahaja. Ini saya rasa sangat tidak patut. Saya berharap Yang Berhormat Menteri kita akan mengambil berat supaya menyiasat atas hal ini dengan serta-merta supaya keadaan yang tidak adil seperti itu diselesaikan iaitu menjadikan mereka kakitangan-kakitangan Kerajaan tetap dan berpencen tanpa melalui temu-duga oleh P.S.C. atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kampung-kampung Baru. Merujuk kepada Bekalan B. 42 atas Kementerian Teknologi Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru. Mengenai Anggaran Belanjawan 1974 secara langsung sebanyak \$3 juta sahaja akan diperuntukkan bagi tahun ini. Saya berasa anggaran ini sangatlah kurang yang mana kita maklum bahawa bagi tahun 1973 ada \$4.6 juta peruntukan untuk cara langsung kepada Kampung-kampung Baru

telah dibelanjakan, tetapi bagi tahun 1974 sudah kurang \$1.6 juta. Saya rasa tidak cukup. Dan saya cadangkan patutlah dinaikkan 10 kali ganda sampai \$30 juta baharulah cukup kerana kenaikan harga barang makin naik tinggi pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pemberian Wang Secara Langsung untuk projek-projek dalam Kampung-kampung Baru yang hanya \$3 juta memanglah tidak cukup kerana kebanyakan Kampung-kampung Baru masih belum ada jalan tar, bekalan letrik, bekalan air, longkang-longkang dan sebagainya. Tambahan pula mengikut keterangan Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Kerajaan telah dan akan melaksanakan projek-projek perumahan harga murah di mana-mana bandar untuk menyambut dasar Kerajaan mencapai demokrasi memiliki rumah yang telah diumumkan itu. Memperbaiki kehidupan penduduk-penduduk miskin di bandar adalah baik, tetapi sebaliknya perumahan bagi penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru adalah satu masalah besar. Perkembangan bilangan penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru bertambah pada tiap-tiap tahun. Inilah masalah rumah-rumah haram timbul pada masa sekarang dan juga masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru adalah lebih kurang 25% di negara kita, akan menghapuskan kemiskinan adalah matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Yang Kedua. Saya cadangkan kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan berikut:

- (1) Memperluaskan tanah-tanah sekeliling Kampung-kampung Baru dan mengeluarkan tanah-tapak untuk perumahan dan tanah pertanian untuk tanaman supaya meninggikan taraf hidup mereka.
- (2) Menubuhkan lebih banyak perindustrian ringan supaya memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru.
- (3) Menjalankan lebih banyak sukan dan aktiviti-aktiviti kebudayaan untuk pemuda-pemudi di Kampung-kampung Baru.

Inilah satu cara menyampaikan matlamat-matlamat menyusun semula masyarakat Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Kementerian Perhubungan Kepala B. 53, saya suka bagi pihak pemandu-pemandu teksi menyampaikan berhubung dengan pengaduan yang saya terima baru-baru ini seperti berikut:

- (1) terlebih dahulu saya merayu kepada Kementerian Perhubungan supaya menimbangkan permohonan yang telah dibuat oleh Persatuan Pemilik-pemilik dan Driver Teksi Malaysia serta Persatuan Pemilik-pemilik Drebar Teksi Kinta, dan Persatuan Teksi Selangor kerana masalah kenaikan wang tambang pada masa sekarang ini.

Permohonan yang dibuat itu adalah dengan sebab-sebab berikut:

- (i) kerana minyak petrol dan diesel telah naik tinggi;
- (ii) kerana harga tayar telah naik tinggi;
- (iii) kerana harga spare-parts motokar telah naik tinggi;
- (iv) kerana insuran teksi telah naik dengan 50% keatas.
- (v) kerana barang-barang keperluan telah naik terlampau tinggi; dan
- (vi) kerana road tax telahpun naik dari \$200 lebih kepada \$800 bagi buah teksi.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya berharap rayuan saya akan dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri dengan bersimpati dan kedudukan pemandu-pemandu teksi supaya meluluskan permohonan mereka untuk menaikkan wang tambang dengan serta-merta. Kalau tidak salah saya harga setem telah naik dari 6 sen ke 10 sen, dari 10 sen ke 15 sen dan 50 sen naik menjadi 75 sen untuk Pos berdaftar dan lagi bayaran sewa talipon telah naik dari \$17.50 ke \$22.50 sebulan untuk persendirian dan dari \$22.50 naik ke \$30.00 untuk syarikat. Saya percaya wang tambang bagi kapalterbang MAS akan dinaikkan juga kerana harga minyak petrol telah naik tinggi. Saya tidak faham mengapakah wang tambang teksi tidak dibenarkan naik. Saya rasa tidaklah patut sekalipun.

Kedua, soal naik turun penumpang-penumpang teksi di jalan-jalan di dalam

bandar. Oleh kerana penuh sesak di jalan raya dan penumpang-penumpang teksi kebanyakannya berkumpul di jalan raya yang penuh sesak dengan manusia dengan kenderaan itu, maka soal naik-turun teksi telah menjadi kesulitan bagi segala pemandu-pemandu teksi. Soal-soal seperti ini telahpun lama terjadi. Saya berharap pihak Polis Trafik dibenarkan mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang di sebahagian awal dan penghujung tiap-tiap barisan bangunan kedai di tempat yang sepanjang 30 kaki dan di mana-mana lebih sebelah hadapan dan belakang Bus Stop. Maka dengan ini akan tidak menutup jalan dan dikenakan denda dengan beratnya.

Ketiga, soal menanti penumpang-penumpang iaitu berhenti dengan masa pendek untuk menanti penumpang yang keluar dari teksi sekejap sahaja. Tujuan memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada penumpang-penumpang terutama sekali pada masa sekarang ini Kerajaan menggalakkan rancangan pelancungan dan menyambut pelawat-pelawat dari luar negeri melawat ke negeri kita ini, maka perkhidmatan teksi memainkan peranan yang lebih penting. Pemandu-pemandu teksi pasti hendak menyampaikan perkhidmatan sebenarnya dan mendapat nama yang baik. Tetapi oleh kerana peraturan-peraturan trafik yang sedia ada ini telah mengganggu pemandu-pemandu teksi memberi perkhidmatan yang lebih sempurna kepada pelancung yang datang ke sini. Saya suka memberi misalan seperti berikut:

- (a) Kebanyakan pelancung dari luar tempat atau luar negeri tidak tahu peraturan-peraturan trafik di bandar kita ini maka apabila pelancung yang dibawa itu hendak membeli barang-barang kenangan atau menukar cek di bank dalam sesuatu kawasan makmur. Mereka akan menyuruh pemandu teksi berhenti dan menanti sekejap, tetapi pemandu-pemandu teksi susah hendak mematuhi kerana Polis Trafik akan mengambil tindakan terhadap mereka dan oleh kerana itu pemandu teksi terpaksa menjalankan keretanya apabila pelancung yang tidak mengetahui keadaan ini keluar dari kedai atau bank mencari teksi yang disewanya tidak lagi menanti di situ. Apa rasanya terhadap pemandu-pemandu teksi itu, mestilah tidak puashati, memang tidak

memuaskan kepada pemandu-pemandu teksi itu dan akan juga memburukkan nama negeri kita.

Saya harap Yang Berhormat Menteri memberi pemandu-pemandu teksi satu arahan dan nasihat yang boleh menjadi panduan kepada mereka itu supaya diikuti dengannya.

- (b) Kesulitan juga adalah diterima semasa memandu orang sakit ke dalam klinik atau menolong wanita atau orang tua membawa barang-barang yang banyak, besar serta berat itu. Kerajaan memang tidak akan mengecam perkhidmatan menolong orang-orang kerana perkhidmatan seperti ini sangatlah dihargai. Tetapi perkhidmatan seperti itu telah melanggar peraturan trafik dan pemandu teksi mungkin didenda pula oleh Polis.

Tuan Yang di-Pertua, soal pemeriksaan kenderaan mengejut. Polis Trafik menjalankan pemeriksaan kenderaan mengejut terhadap teksi-teksi juga telah mendatangkan kesulitan kepada pemandu-pemandu teksi. Misalnya :

- (a) Memeriksa asap hitam yang dikeluarkan dari teksi tidak ada satu taraf yang sama sebagai sebuah teksi berengine diesel jika ditekan sampai habis di bahagian accelerator semasa kereta itu tidak bergerak adalah sangat anih jika kereta itu tidak mengeluarkan asap hitam sedikit pun, kerana setelah habis ditekan accelerator semasa tidak bergerak enginnya yang berpusing-pusing dan lebih laju, besar bezanya dengan masa sedang berjalan pemandu teksi didenda dengan keadaan yang tersebut di atas ini, maka boleh dikatakan sangat tidak adil. Saya berharap pihak Polis Trafik dapat berhubung dengan pihak Pendaftar dan Pemeriksa Kanan Kereta-kereta Motor untuk mendapatkan nasihat teksinya. Bila masa mengadakan pemeriksaan kenderaan tersebut kelak kerana ini akan mendatangkan kepentingan besar kepada sepihak sahaja apatah lagi sebenarnya kereta mereka telah diperiksa oleh pihak Pendaftar dan Pemeriksa Kanan Kereta-kereta Motor pada tiap-tiap 6 bulan sekali.

- (b) Dalam sebuah kereta akan selalu boleh berlaku kerosakan kecil misalnya kadang-kadang valve kecil terbakar, meter, viper rosak dengan tiba-tiba. Kajadian ini berlaku memang di luar sangka. Sungguhpun semua pasangan telah diperiksa dengan teliti sebelum berangkat, tetapi mereka rugi juga bila kebetulan bertemu tindakan pemeriksaan kenderaan secara mengejut yang sedang dijalankan di tengah-tengah jalan, kerana kerosakkan kecil itu jika dijumpai menjadi kesalahan juga dan dendanya kadang-kadang sampai \$40 atau \$50 satu kes. Denda ini adalah pendapatan seorang pemandu teksi dalam seminggu. Bukankah denda ini terlampau tinggi? Sebenarnya, kesilapan pemandu teksi itu bukan mereka sengaja buat. Mereka patut dimaafkan dengan denda yang kurang.

Tempat letak Kereta

Perkara ini telah menjadi satu soalan yang semakin hari semakin susah diatasi kerana kenderaan telah bertambah-tambah bilangannya. Saya merayu kepada pihak Polis Trafik supaya tempat dalam lorong-lorong dalam bandar tidak menjadi soalan lalu-lintas itu dapat dibenarkan untuk pemandu-pemandu kereta teksi meletakkan kereta mereka. Ini akan mengurangkan teksi yang terpaksa berjalan-jalan di jalanraya dalam bandar, kerana tidak ada tempat letak kereta yang sesuai.

Saya juga berharap pihak Polis Trafik akan mengambil sikap lemah-lembut dan kerjasama untuk merapatkan perhubungan yang baik dan untuk memajukan ke arah kerjasama yang jujur. Kiranya ditemui kesilapan kecil telah terjadi lebih baik diberikan amaran terlebih dahulu. Tindakan undang-undang diambil hanya apabila pemandu teksi itu enggan menerima amaran itu dan berturut-turut berbuat demikian pula. Saya juga berharap teksi yang melanggar Aturan Trafik yang kecil itu jangan teksi itu kena tahan di Balai Polis beberapa hari kerana ini menyebabkan pemandu teksi itu menghadapi kerugian yang besar. Kerugian masa adalah kerugian wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa ada beberapa buah bas besar atau kecil dari negeri Siam pernah masuk ke negeri kita pada tiap-tiap tahun. Ini adalah

melanggar dengan faedah-faedah perniagaan teksi kita, kerana bas-bas tersebut itu masuk ke negeri kita dengan bas kosong tanpa penumpang. Bila bas kosong itu balik ke negeri Siam bersama dengannya membawa pelancung-pelancung dari negeri kita ke negeri Siam (Thailand) untuk lawatan di situ. Kadang-kadang bas kosong itu mengutip penumpang-penumpang kita di mana-mana tempat tepi jalan di jalanraya kita. Kalau bas Siam itu terus membawa penumpang-penumpang atau pelawat-pelawat dari negerinya masuk ke negeri kita untuk tujuan melawat, ini patutlah kita alu-alukan, akan tetapi itu bukanlah tujuannya.

Pada akhirnya, saya suka hendak tahu berkenaan dengan Syarikat Pelancungan. Bolehkah dibenarkan syarikat itu mengutip penumpang-penumpang dari negeri kita dan sewa bas kosong dari Siam mengangkut penumpang-penumpang bekerja ke Singapura untuk bekerja di situ?

3.35 ptg.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini dan memberi pandangan-pandangan saya.

Jabatan Perdana Menteri—Kepala B. 7A. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri kita kerana yang pertamanya tentang tugasnya menyokong peperangan Arab menentang Yahudi dan membenarkan rakyat menderma seberapa banyak.

Yang kedua, mengisytiharkan tambahan pencen kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang sudah lama menunggu.

Yang ketiga, menambah sara hidup kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan kerana kenaikan harga barang-barang sekarang ini.

Yang keempat, dapat menubuhkan satu Jawatankuasa Air Bah yang sentiasa bekerja keras bila-bila masa ada air bah di negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada Perdana Menteri kita saya merayu supaya masa bekerja Bulan Puasa ditukarkan balik semula iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja, sebab orang-orang Islam diwajibkan membuat amal-ibadat pada malam-malam hari pada tiap-tiap Bulan Puasa. Dengan adanya mereka bekerja

daripada pagi hingga pukul 4.00 petang, maka banyak daripada kakitangan Kerajaan yang beragama Islam tidak datang ke mesjid-mesjid membuat amal-ibadat seperti sembahyang Tarawikh, membaca Koran (Bertadarus). Alasan Kerajaan merugikan kita kerana masa kerja pendek, maka pada pendapat saya kita tak rugi, tetapi kakitangan-kakitangan Kerajaan kita akan rugi sebab mereka tidak beramal-ibadat pada Tuhan malam-malam hari pada Bulan Puasa.

Satu perkara lagi, saya berharap kepada Perdana Menteri kita supaya bantuan-bantuan agama patutlah dilebehi seperti membina mesjid-mesjid, surau-surau, sekolah-sekolah agama dan lain-lain berkenaan dengan agama, kerana dengan ajaran-ajaran agama sahajalah umat-umat boleh berkelakuan baik. Dan oleh sebab itu juga, saya merayu kepada Perdana Menteri supaya mengadakan satu perjumpaan dengan segala Padri-padri Kristian, Sami-sami Budha, Sami-sami Hindu, Imam-imam Tok Kong Cina, kerana saya dapati ajaran-ajaran atau sbaran agama mereka tidak berjalan dengan kuat. Kalau imam-imam Tok Kong Cina ada memberi syarahan agama atau penyebaran ugamanya yang cukup, kita tidak boleh dapati gangsters, robberies, extortioners dan kidnappers yang menjadi-jadi di negara kita pada masa ini. Saya tidak salahkan budak-budak atau pemuda-pemuda yang jahat itu, tetapi saya salahkan Padri-padri, Sami-sami dan Imam-imam Tok Kong-Tok Kong Cina itu tidak menyebarkan ajaran ugamanya dengan betul. Jikalau Padri-padri, Sami-sami Badhha, Sami-sami Hindu dan Imam-imam Cina ada memberi ajaran ugamanya yang cukup kita tidak akan dapat dengar lagi kelakuan jahat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan dengan Pelayaran Orang-orang Haji bagi kapalterbang No. 9, 10 dan 11 telah tidak mengikuti jadual yang diberitahu oleh Tabung Haji kepada bakal-bakal Haji. Maka saya berharap supaya jangan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan air bah. Baharu-baharu ini ada satu kawasan di Kemaman, Trengganu iaitu 27 batu dari Kemaman, nama tempat itu Padang Kubu, ada sebuah ladang kelapa sawit seluas 29,000 ekar, pekerja-pekerjanya di situ telah mengalami kebuluran dan kesejukan. Saya

diberitahu air datang mengejut dan mereka tidak sempat hendak membawa baju-baju dan bekalan-bekalan, maka ramai kanak-kanak kelaparan, kerana bantuan dari Kerajaan tidak sampai ke situ. Saya berharap akan diambil ingatan dan masa akan datang sodiakan makanan dan kain-kain baju. Nama tempat itu Ladang Kelapa Sawit Padang Kubu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh pula Kementerian Perpaduan Negara, Kepala B. 12. Pada pendapat saya Kementerian Perpaduan Negara kurang bekerja. Kementerian ini mestilah membuat satu program lawatan ke kampung-kampung, bandar-bandar di tiap-tiap negeri dengan mengadakan kempen meminta rakyat negara ini bersatu-padu antara satu kaum dengan satu kaum yang ada di negara kita ini. Pada masa ini, saya dapati persahabatan antara satu kaum dengan satu kaum belum lagi berjalan dengan erat dan inilah kewajipan Kementerian Perpaduan Negara. Saya fikir dengan adanya kelas-kelas Perpaduan Rakyat dan juga mengadakan sukan kanak-kanak pada Hari Kemerdekaan belum lagi berkesan. Kalaulah Kementerian ini boleh menyatukan segala rakyat di negara kita ini, kita akan memberi tabik kepada Kementerian itu. Maka dengan teguran saya yang sihat ini saya berharap tindakan menyatu-padukan rakyat di seluruh negara akan dijalankan mulai pada tahun 1974 ini.

Tuan Yang di-Pertua saya suka pula menyentuh Kementerian Perusahaan Utama, Kepala B. 15. Pada masa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang kita kasihi merasmikan Kolej Perhutanan di Kepung, saya bersama-sama dan saya dapati banyak barang-barang mentah dari hutan kita dipamirkan, tetapi siapakah yang kaya dari hasil itu ialah orang-orang bukan bumiputra. Pekerja-pekerja hutan sebilangan kecil sahaja bumiputra walhal kayu-kayu balak di hutan kita Kerajaan kita sendiri boleh kerjakan dengan membuat beberapa banyak saw-mill, gudang-gudang plywood, gudang membuat tikar dari kulit kayu, gudang membuat kertas dari kulit kayu, rotan boleh dibuat kerusi meja dan buluhnya boleh dibuat dinding rumah, serkap ayam, lekar dan daun nipah boleh dibuat atap. Segala apa-apa yang saya sebutkan ini ada di hutan kita. Siapakah yang mengerjakannya? Orang bukan bumiputra, Kenapa? Kerana Kerajaan tidak ada

inisiatif hendak memproses benda-benda ini. Kalau Kerajaan sendiri buat segala rakyat di negara ini boleh dapat kerja. Pekerja di saw-mill Kerajaan, pekerja di factory plywood Kerajaan bekerja membuat tikar dan kulit kayu dan kertas di factory Kerajaan, kerja membuat kerusi-meja dan rotan di factory Kerajaan. Jadi kekayaan negara ini dirasai oleh semua rakyat. Bukan macam sekarang kekayaan hutan kita dapati bagi satu kaum sahaja. Orang-orang bumiputra mencium baunya sahaja.

Saya merayu kepada Kerajaan khasnya Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil inisiatif dan cuba jalankan apa-apa yang saya cakapkan ini kerana dalam pendapat saya ini satu jalan yang boleh semua rakyat mendapat sama rata kekayaan hutan ini. Pada masa ini kita terpaksa mengimpot banyak kertas walhal kulit-kulit kayu di negara kita boleh dibuat kertas dan tak payah kita membuang-buang wang untuk mengimpot kertas.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang minyak pula sudah naik harganya yang tidak patut dinaikkan. Sebab saya berkata begitu kita terlalu sombong dan cakap kita tidak bertitik. Saya selalu terbaca di suratkhbar yang Menteri-menteri kita mengatakan di tepi-tepi laut minyak akan didapati dan negara kita ini kaya tetapi apabila kurang minyak kita pun naikkan harga minyak disebabkan kekurangan minyak dan bahan-bahan ini. Jangan kita hairankan kerana di dalam ajaran ugama kita ada menyebutkan: Apabila akhir zaman macam-macam akan kita jumpai dan rasai dan kita akan balik semula kepada asal. Kalau orang dahulu berambut panjang sekarang sudah kita lihat, kalau orang dahulu bertelanjang sekarang sudah separuh bertelanjang. Kalau minyak kurang dan barang-barang hilang jangan kita gaduh. Ingatlah dunia ini sudah hampir masanya akan kiamat. Insallah kita, ingatlah pada Tuhan dan bertaubat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi dengan Kementerian ini juga berkenaan dengan cess money. Saya sangat-sangat dukacita kerana Kerajaan tidak membayar cess money dengan tidak memberitahu kita terlebih dahulu. Syarikat kerjasama saya sendiri ada menanam getah semula seluas 236 ekar di estet kami di Semenyih, Kajang. Pada tahun 1971 dan 1972 harga getah sangat rendah dan kami menerima wang

cess sebanyak \$9,450 bagi tiap-tiap 3 bulan. Maka tahun 1971 dan 1972 kami dapat wang cess itu tetapi pada tahun 1973 ini kami tidak mendapat satu sen jua pun dan saya sudah berkali-kali menulis surat kepada Kementerian yang berkenaan tetapi jawapan pun tidak ada. Saya sangat dukacita sebab membeli ladang itu seluas 1,200 ekar kami meminjam wang Kerajaan \$1 juta dan tiap-tiap tahun kami kena bayar \$153,000 termasuk faedah 7% hingga tahun 1980. Maka dengan tidak ada bayaran cess balik kepada kami mulai dari tahun 1973 maka kami rugi dan kehilangan \$40,000 dari wang cess ini. Saya dan juga ahli-ahli kebanyakannya dari orang-orang bumiputra yang bergaji kecil merayu kepada Kementerian yang berkenaan tolonglah timbangkan semula bayaran cess ini balik kepada syarikat kerjasama kami, wang itu ialah untuk menambah bayaran hutang-hutang tahunan kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kepala B. 16. Saya merayu kepada Menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan untuk mencari jalan menurunkan harga barang-barang yang ada dibuat dan didapati dalam negeri kita ini seperti beras, tepung, gula, ikan kering, minyak kelapa dan apa-apa juga. Pada masa sekarang satu kaum sahaja menjadi wholesaler bagi apa juga jenis barang yang ada dalam negeri kita ini. Saya mahu Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Timbalannya akan membanci segala peniaga-peniaga bumiputra dan siapa-siapa yang ada bermodal banyak diberi menjadi agent wholesaler. Sekarang orang-orang bumiputra banyak berniaga tetapi Menteri sendiri tak tahu berapa bilangan dan berpecah-pecah tidak macam Ahli-ahli UMNO. Orang-orang Melayu bersatu di dalam UMNO, mengapa Menteri Perdagangan dan Perindustrian tidak buat begitu. Semua orang-orang Melayu yang berniaga disatukan diberi peluang menjadi wholesaler. Jikalau ada wholesaler orang-orang Melayu di tiap-tiap bandar, saya percaya orang-orang Melayu tak akan susah hendak mendapat barang. Pada masa ini peniaga-peniaga orang-orang Melayu susah hendak berniaga sebab segala barang-barang di dalam tangan orang bukan bumiputra. Kalau ada barang-barang pun mereka kata tak ada jadi orang Melayu sudah tawar hendak berniaga

sungguhpun ada PERNAS dan MARA, ini belum cukup lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian supaya bekerjasama dengan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat akan membanci pekerja-pekerja di gudang-gudang yang kita beri pioneer status sebab pada masa ini banyak orang-orang bumiputra khususnya pemuda-pemuda kampung tidak mempunyai pekerjaan. Jikalau kita tidak ambil bancia mereka suka-suka sahaja mengambil orang-orang Melayu menjadi Pengerusi, Pengarah dan juga membeli saham di syarikat itu. Tujuannya ialah untuk menseimbangkan sama banyak orang-orang bumiputra berniaga dengan orang-orang bukan bumiputra dan bersefahaman di mana apa juga jenis perniagaan yang ada di negara kita ini. Pada masa ini banyak syarikat-syarikat tumbuh macam cendawan tetapi bagi satu kaum sahaja. Apa salahnya dibuat bersama-sama jikalau orang-orang Melayu dan orang India sekalipun membuat syarikat mereka pun mesti diwajibkan membawa rakan-rakannya dari kaum yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertahanan B. 19. Saya merayu kepada Kementerian ini tolonglah segerakan berkenaan dengan kajian pencen-pencen askar-askar yang telah bersara sebelum 1-1-1970 iaitu Ex-service kerana banyak dari bekas-bekas askar kita menderita kerana pencennya terlampau kecil. Begitu juga kepada Kementerian ini saya meminta akan mengemukakan kepada Kerajaan British berkenaan dengan pencen-pencen bekas-bekas askar L.E.P. (Local Enlisted Personnel) belum lagi menerima bayaran pencen baharu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita sudah dengar kominis telah mula mengganas balik di beberapa tempat di Malaysia ini. Maka saya syorkan kepada Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan sudah wajiblah Kerajaan mengadakan Tentera Wataniah atau Territorial Army di tiap-tiap kampung untuk menjaga kampung masing-masing. Saya cadangkan sekurang-kurangnya dua kompeni iaitu satu kompeni tentera Territorial Army dan lagi satu Home-guard kerana ada juga orang-orang kampung tak suka masuk tentera maka kita beri peluang pula Homeguard.

Pada masa ini di tiap-tiap kampung bukan sahaja kominis telah meresap tetapi pencuri ayam, pencuri kain baju, pencuri radio dan apa-apa sahaja yang dapat sudah mula hilang dicuri orang. Jikalau ada tentera wataniah dan home guard di tiap-tiap kampung dengan diberi senjata saya percaya negara kita akan bertambah-tambah aman kerana penduduk-penduduk di kampung masing-masing telah diberi tanggungjawab kepada Kerajaan sungguhpun Kerajaan telah mengeluarkan berjuta ringgit tetapi pada masa ini pun kita telah mengeluarkan belanja berjuta-juta ringgit banyaknya.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian ini juga saya merayu apakah juga kiranya atau memikirkan syor saya ini. Kita tahu banyak askar-askar kita suka minum beer di messnya apabila mereka pergi ke mess masing-masing. Saya mengesyorkan supaya tiap-tiap satu botol atau satu can beer yang diminum oleh askar-askar kita dikenakan iaitu potongan seronok minum sebanyak 20 sen dan wang ini disimpan dalam satu kira-kira asing dan dikumpulkan. Apabila banyak wang ini diberikan balik semula kepada anak-anak askar itu sebagai biasiswa (scholarship) dan membantu membeli buku anak-anak mereka. Saya percaya tak kurang daripada 10,000 botol beer atau 10,000 can yang diminum oleh askar-askar kita pada tiap-tiap malam di seluruh Malaysia. Kalau 10,000 botol, mereka boleh dapat \$2 ribu satu malam atau satu bulan \$60 ribu. Kalau satu tahun \$720 ribu. Inilah syor saya kepada Kementerian Pertahanan supaya mengadakan potongan minum seronok 20 sen bagi satu botol beer yang diminumnya untuk biasiswa anak-anak mereka dan untuk menyenangkan mereka membeli buku-buku teks.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Pelajaran, B. 20. Saya sangat dukacita kerana dapat tahu banyak buku-buku teks tidak cukup. Yang mendukacitakan saya iaitu saya sudah bawa di dalam Dewan ini tempoh hari supaya buku-buku teks ini jangan ditukar tiap-tiap tahun. Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada masa itu, Yang Berhormat Datuk Hussein Onn telah berjanji tidak akan menukar buku teks lagi, tetapi apabila bertukar Menteri Pelajaran yang baru, janji Menteri yang lama itu sudah di write-off, sekarang sudah bertukar pula polisinya berkenaan dengan buku-buku teks.

Saya merayu kepada Menteri Pelajaran yang baru atau wakil-wakilnya yang ada di Dewan ini, tolong jangan ditukar-tukar buku teks tiap-tiap tahun, sekurang-kurangnya tiga tahun sekali. Saya tahu banyak publisher-publisher telah berjumpa dengan Pegawai Kementerian Pelajaran menonjol-nonjolkan bermacam text books baru untuk diajar pada murid-murid sekolah, tetapi mereka tak tahu orang-orang bandar tidak ada problem, apa sahaja text books dan berapa sahaja harganya mereka sanggup membayarnya, asalkan ada buku dan anaknya pandai. Tetapi sipenurih getah, sipesawah padi dan sipemanjat kelapa tak sanggup membeli text books tiap-tiap tahun bagi anak-anaknya. Inilah rayuan saya bagi orang-orang kampung, tolonglah jangan ditukar text books pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Menteri Pelajaran, apabila 5 Kawasan Selangor berpisah dengan Bandaraya, saya berharap Selangor akan dapat mendirikan Pejabat Pelajarannya dengan seberapa segera dengan kerjasama Menteri Pelajaran, kerana saya suka memberitahu Menteri yang berkenaan pada masa ini segala sekolah-sekolah di luarbandar dalam Negeri Selangor kebanyakan guru-gurunya guru sementara (temporary), alat-alat sekolah tak cukup dan saya mahu Pengarahnya biarlah orang yang berjiwa kebangsaan dan tahu tanggungjawab pada bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya segala sekolah-sekolah Ugama Rakyat yang guru-gurunya dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri supaya diambil alih oleh Kementerian Pelajaran dan di bawah jagaan Pejabat Pelajaran Negeri masing-masing, sebab saya kata begitu, segala sekolah Ugama Rakyat itu terbiar begitu sahaja, tidak ada seorang yang mengambil tahu samada sekolah itu ada papan hitam, ada kerusi-kerusi, ada meja-meja guru, padangnya semak samun, sekolah tak senonoh dan terbiar. Jikalau dijaga oleh Pejabat Pelajaran Negeri masing-masing, sekolah itu terkawal, barang-barang sekolah yang tak ada dapat diganti dan boleh berjalan macam Sekolah-sekolah Kebangsaan. Inilah rayuan saya kepada Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, B. 22.

Pada masa ini, setahu saya ada dua negara sahaja yang membuat persatuan persahabatan dengan kita dan kita dengan negara itu iaitu persahabatan dengan U.A.R. dan Russia. Maka dengan Russia kita telah dapat menghantar beberapa ahli-ahli kita ke Russia dan begitu juga ahli-ahli persatuan persahabatan Russia datang ke negara kita. Saya berharap kepada negara-negara yang lain itu akan mengambil contoh Russia itu, kita mahu bertukar-tukar lawatan ke tiap-tiap negara yang ada Dutanya di negara kita. Baru-baru ini saya ada menghadiri satu seminar anti-Poverty in Asia, anjuran persatuan German Fredrich Herbert Stiftung di Bangkok dari 12-12-1973 hingga 22-12-1973. Maka saya berasa terharu sedikit iaitu pegawai-pegawai dari Kedutaan kita sendiri tidak mengindahkan kedatangan 3 orang wakil dari Malaysia yang mana apabila saya sampai di Bangkok, saya beritahu pada Pegawai Kedutaan kita yang kami berada di Bangkok selama 11 hari menghadiri seminar, walhal wakil dari negara-negara lain ada seorang sahaja seperti Singapura seorang M.P. wakilnya, tetapi wakil yang seorang itu telah diambil dengan kereta Dutanya yang besar dan diberi jaminan serta tersiar di dalam suratkhbar Bangkok. Pada pendapat saya, inilah dengan tidak ada persahabatan kita dengan negara-negara lain. Sepatutnya Duta Malaysia atau pegawai-pegawainya sekurang-kurangnya datang melawat kami dan kami boleh bertukar-tukar fikiran atau sekurang-kurangnya memberi kami nasihat berkenaan negara yang kami lawati itu. Saya berharap kepada Kerajaan kita akan memberitahu iaitu pada masa-masa akan datang di mana-mana ada Duta kita, apabila orang-orang Malaysia datang kerana seminar atau Lawatan Sambil Belajar, sudah patut Duta-duta kita mengambil tahu orang-orangnya sendiri, orang-orang Malaysia yang datang itu. Kalau diambil berat oleh Duta-duta kita atau pegawai-pegawainya, kita senang melawat mana-mana negeri sahaja, sebab kita tidak akan tercengang-cengang macam orang-orang kampung masuk ke bandar. Itulah pandangan saya pada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kewangan, B.23. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan kita, kerana beliau seorang yang jujur, bijak dan dengan sebab beliau ialah ekonomi negara kita

stable dan kokoh; wang kita tinggi nilainya dan kita tahu, sehingga beliau sakit kerana memikirkan kedudukan kewangan negara kita. Kita berdoa kepada Allah Subhanahu-wataala mudah-mudahan beliau sembuh lekas dan balik menjalankan tugasnya sebagai Menteri Kewangan.

Saya suka menyentuh ini lagi iaitu berkenaan dengan harga barang-barang samada barang-barang dalam negeri ataupun luar negeri bertambah-tambah mahal harganya dari sehari ke sehari. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu akan membatalkan Sales Tax 5% (cukai tambahan) yang berjalan sekarang, mudah-mudahan dengan dipotong Sales Tax 5% itu akan dapat menurunkan harga barang-barang balik semula kepada harga biasa. Kita jangan terlampau tamak sangat, apa yang kita mahu rakyat kita khasnya yang tinggal di kampung-kampung jangan menderita kerana rakyat yang di kampung-kampung inilah yang kuat menyokong Kerajaan. Saya berharap Menteri Kewangan supaya akan menimbangkan semula supaya Sales Tax ini dihapuskan balik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, iaitu kita sudah luluskan di dalam Dewan ini berkenaan dengan Kesatuan Sekerja hendak menubuhkan bank mereka sendiri iaitu Workers' Bank. Tetapi hingga hari ini, saya diberitahu, lesennya belum diluluskan lagi oleh Menteri Kewangan. Saya berharap apa yang kita sudah luluskan dijalankan dengan tidak ada gangguan-gangguan supaya rakyat makin ramai menyokong Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, saya dapat tahu, iaitu pada masa ini bank-bank tidak dibenarkan lagi meminjamkan rakyat hendak membuat pembinaan seperti rumah. Saya berharap undang-undang ini jangan dikenakan kepada bumiputra, sebab orang-orang bumiputra baharu sahaja hendak melangkah dan baru yang dapat tanah di dalam bulan Disember yang lepas, kalau mereka yang baru dapat tanah itu tidak dibenarkan meminjam wang atau menggadaikan geran tanahnya di bank, saya percaya, tanah yang baru mereka dapati itu tak akan memberi faedah pada mereka, walhal kita tahu banyak lagi orang-orang bumiputra tidak mempunyai rumah sendiri di tanahairnya sendiri. Saya merayu kepada Kementerian Kewangan, tolong timbangkan

semula, lagipun orang-orang bumiputra kalau meminjam tidak banyak, cuma antara \$20 ribu atau \$30 ribu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, Kepala B. 28. Pertama sekali, saya minta kepada Kerajaan supaya gaji-gaji doktor hendaklah dikaji semula, kerana kita tahu banyak doktor-doktor apabila tamat perjanjiannya dengan Kerajaan, mereka keluar dan buka klinik sendiri, sebab saya telah jumpai beberapa doktor Kerajaan yang telah berhenti dan membuka klinik sendiri. Saya bertanya kepada mereka, mengapa mereka berhenti? Jawab mereka, ada 2 sebab.

Yang pertama, gaji terlampau rendah, walhal mereka menuntut dalam universiti sekurang-kurangnya 6 tahun, baru lulus, tetapi pegawai-pegawai lain, 3 tahun sahaja, mereka dapat gaji lebih, apabila mereka bekerja dengan Kerajaan.

Yang kedua, mereka bekerja dengan tidak tentu masa dan tidak tentu arah. Pagi-pagi periksa orang-orang yang datang merepot sakit dan prescribe ubat-ubat dan selepas itu mereka pergi ke tiap-tiap wad, memeriksa tiap-tiap pesakit dalam wad-wad itu. Kadang-kadang mereka bekerja lebih dari masanya, tetapi gajinya begitu juga. Dengan penerangan ini, saya merayu bagi pihak doktor-doktor Kerajaan yang ada sekarang, tolonglah timbangkan semula gaji mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan dengan pelawat-pelawat hospital. Ada beberapa orang kenamaan telah dilantik, tetapi ada di antara mereka yang dilantik itu mengambil kesempatan mencari undi. Saya bercakap begitu, kerana pada 5-11-73, Yang Berhormat Menteri Kesihatan Tan Sri Lee Siok Yew, telah pergi melawat Hospital Kusta di Sungai Buloh (Leper Hospital, Sungai Buloh). Apabila Menteri itu sampai, 11 orang pekerja-pekerja di hospital itu, semuanya orang-orang Cina, telah berpiket dan menunjuk perasaan, kerana tidak puas hati kepada Kerajaan. Mereka yang berpiket itu telah dihasut oleh salah seorang dari pelawat hospital itu yang telah menjalankan jarumnya supaya beliau dapat undi pada masa akan datang. Saya merayu kepada Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan akan berhati-hati, memilih orang-orang yang akan menjadi pelawat-pelawat hospital. Tujuan yang sebenarnya ialah untuk pesakit-

pesakit di situ melapurkan apa kemusykilannya, bukan orang-orang kerja untuk melawat menteri apabila Menteri melawat hospital. Pada 5-11-73 itu saya sangat dukacita kerana difahamkan Menteri telah berlawan-lawan mulut dengan pekerja-pekerja yang berpiket itu. Inilah dua sebab, pandangan saya, kepada Kementerian Kesihatan. Yang pertama, gaji doktor dikaji semula dan lagi satu berhati-hati melantik pelawat-pelawat hospital, biar orang yang jujur, bukan orang yang mencari undi seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kepala B. 29. Yang pertama, saya merayu supaya memproses permohonan Borang "G" yang ada padanya. Yang kedua, saya merayu kepadanya supaya satu target date, misalnya pada bulan Januari 1975, tidak lagi akan diterima permohonan-permohonan Borang "G". Kita mestilah tegas. Kita tidak mahu tiap-tiap orang, menjadi rakyat kita, tetapi selagi kita tak buat target date, permohonan Borang "G" ini tak akan habis hingga dunia kiamat.

Satu perkara lagi, saya merayu kepada Kementerian ini supaya orang-orang salah, jangan lagi dibuang daerah, kerana ini bukan sahaja menyusahkan orang-orang salah yang kena buang daerah itu, tetapi orang-orang yang kena buang daerah ini akan jadi kepala perompak, kepala penyamun dan kepala gangster di kawasan itu dan akan mem-banyakkkan jenayah-jenayah dari biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Kepala B. 44. Saya suka memberi tahu Kementerian ini iaitu di sekitar Kuala Lumpur pada masa ini, dalam kawasan saya, ada beberapa rumah-rumah haram (tanpa izin) iaitu di Kampung Maxwell ada 300 kelamin, Kampung Leboh Maxwell ada 44 kelamin, Kampung Simpang Batu ada 87 kelamin, Jalan Kuching ada 150 kelamin. Semua tempat-tempat ini tepi jalanraya, 1½ batu sahaja dari Parlimen ini. Saya merayu kepada Kementerian tersebut bahawa pada 1-2-74 ini buatkanlah mereka rumah-rumah pangsa di Kampung Maxwell supaya mereka dapat menikmati rumah batu, cukup dengan lampu letrik, air paip dan sebagainya. Jikalau mereka tidak dibuatkan rumah pangsa siapakah yang malu? Kerajaan kita juga yang malu kepada pelawat-pelawat, dan bila bah mereka ini kena bah pula.

Satu perkara lagi pada 1-2-74 ini, Bandaraya akan dilebarkan dan dibesarkan kawasannya yang terlibat dalam kawasan bandaraya ini hendaklah dijaga dengan cukup iaitu Pejabat Pelajaran bagi guru-guru dan murid-murid hendaklah diadakan; pejabat tanah untuk rakyat membayar cukai tanah dan memohon tanah hendaklah diadakan; Pejabat Ugama Islam hendaklah dibuat supaya Kadi-kadi, Imam-imam, Guru-guru Ugama dapat mengadu hal: masjid-masjid yang ada di kawasan bandaraya ini hendaklah di kawal juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak menerima sungutan-sungutan dari rakyat, katanya buat rumah tinggi-tinggi 15 tingkat, tetapi sewanya sama sahaja iaitu \$37 sebulan. Mereka merayu pada saya dan saya sampaikan kepada Menteri itu di Dewan ini, mereka minta sewa itu dibezakan, iaitu tingkat satu sampai tingkat 5 sewanya \$37 sebulan seperti sekarang; tingkat 6 hingga tingkat sepuluh sewanya \$30 sebulan dan tingkat 11 hingga 15 sewanya \$25 sebulan. Maka saya merayu kepada Menteri yang berkenaan akan menimbangkannya semula. Saya menyokong rayuan mereka, sebab orang-orang yang tinggal di atas sekali 6 bulan sahaja mereka dapat turun ke bawah, sebab takut lift rosak dan sebagainya. Saya suka juga menyampaikan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Kerajaan kurang adil berkenaan dengan kedai-kedai yang diperintah untuk dipecahkan. Saya beri satu contoh di Sentul, dua batu dari Kuala Lumpur sebanyak 14 pintu kedai lama diperintahkan dirobuhkan sebab untuk membesarkan jalan. Tetapi siapakah yang untung, ialah orang-orang yang menyewa kedai-kedai itu. Orang-orang yang menyewa kedai-kedai itu akan diberi imbuhan, ganti rugi menengok besar perniagaannya. Kalau besar perniagaannya banyak imbuhan, kalau kecil, sedikit imbuhan dan tempat akan diberi pula. Tetapi orang-orang yang betul-betul punya tanah dan kedai-kedai itu, tidak diberi satu sen juapun. Saya fikir Kerajaan kita tidak adil. Sepatutnya orang-orang yang punya tanah dan kedai itulah, yang akan dapat gantirugi, iaitu imbuhan dari Kerajaan dan tanah untuk menggantikan tanah mereka. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan agar berunding dengan Pegawai Daerah, Kuala Lumpur untuk membetulkan perkara ini. Saya dapat komplek dan ini sudah patut

saya sampaikan supaya jangan berlaku tak adil itu lagi kerana saya takut nama Kerajaan kita akan terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menenteh berkenaan dengan Kementerian Perhubungan, Kepala B. 53 berkenaan dengan keretapi yang selalu benar tergelincir. Pada pendapat saya, kakitangan Keretapi itu, cuai, menjalankan tugas-tugas mereka, kerana gaji mereka tidak cukup, barang-barang mahal, masa bertugas membawa keretapi sejuk dan lapar, langsung tertidur dan keretapi masuk longkang dan rugi Kerajaan. Ubatnya, supaya jangan ada lagi, keretapi tergelincir, tiap-tiap kakitangan yang akan bertugas itu hendaklah diperiksa, samada mereka cukup makan, kenyang, cukup tidur dan badan segar. Inilah tugas Station Master atau District Engineer. Jikalau tidak ada pemeriksaan semacam ini, saya percaya kegelinciran pada setiap masa akan berjalan juga, bukan salah rel dan bukan salah gerabak lama, tetapi kakitangan cuai, tidak cukup tidur dan tidak cukup makan sebelum bertugas.

Saya suka menenteh apa yang terjadi di kawasan saya iaitu di Jalan Kuching; sudah 5 nyawa orang saya melayang, iaitu 2 India dan 3 Melayu, sebab Jalan Keretapi di Jalan Kuching itu tidak dipagar, maka senang sahaja orang lalu-lintas dan apabila keretapi lalu mereka tak sedar, langsung kena langgar dan mati terus. Saya merayu kepada Kementerian Perhubungan, agar memagar jalan keretapinya dengan dawai berduri, rapat-rapat, supaya jangan dapat orang-orang lalu-lintas di jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menenteh pula berkenaan dengan pengeluaran lesen teksi. Saya tak puashati kerana permohonan-permohonan sudah pun diterima, tetapi hingga hari ini belum lagi dipanggil temuduga. Satu perkara lagi, saya dapat tahu iaitu permohonan, lesen teksi bagi Kuala Lumpur ada 2,000 permohonan, tetapi Yang Berhormat Menteri hendak keluarkan 65 lesen sahaja. Pada pendapat saya, kalau 65 lesen sahaja, permohonan 2,000 adalah tak cukup. Saya merayu kepada Kementerian Perhubungan akan menambah quota itu lagi sekurang-kurangnya 200 buah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kementerian Perhubungan telah mengeluarkan arahan, iaitu kereta-kereta sekolah tidak

boleh digunakan lagi. Maka banyak dari orang-orang yang mempunyai kereta-kereta sekolah ini telah datang berjumpa saya mengadu kerana pencarian mereka sudah ditutup dan ada yang sudah bercerai-berai dengan anak isterinya, sebab suami-suami mereka tak ada kerja lagi, dan tak sanggup memberi makan lagi. Saya merayu kepada Kementerian Perhubungan tolong batalkan hingga 31-12-74 ini. Sebab mereka ada yang berhutang membeli kereta itu dan hutangnya belum habis lagi dan ada yang tidak berhutang, hendak mencari wang untuk membeli bas sekolah. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolonglah batalkan hingga 31-12-74 ini supaya mereka pun hendak hidup seperti kita.

Tuan Yang di-Pertua, ramai orang-orang bumiputra mengadu pada saya, mereka ingin hendak berniaga untuk mengajar orang-orang jadi pemandu kereta. Malangnya lesen mengajar sudah pula ditutup. Pendek kata, apa sahaja orang bumiputra hendak buat, jalannya tertutup. Maka saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan tolonglah beri peluang kepada orang-orang Bumiputra mendapat lesen mengajar pemandu. Yang Berhormat Menteri tentu akan menjawab pada saya, sudah banyak driving school ini. Maksud saya, bukan di Bandar Kuala Lumpur, tetapi ialah di luar-bandar, seperti Sekinchan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi dan yang akhir bagi Kementerian Perhubungan, saya telah diminta oleh penduduk-penduduk Kampung Kuang, 21 Batu dari Kuala Lumpur supaya Kerajaan membina satu Pejabat Pos untuk penduduk-penduduk di situ membayar bil lampu, air, menyimpan wang dalam pejabat pos kerana pada masa ini ada 5,000 orang penduduk bumiputra di Pekan Kuang itu terpaksa pergi ke Post Office Rawang atau ke Post Office Sungai Buluh yang sangat jauh untuk membayar bil air, lampu dan membeli setem. Saya mendapat tahu tanah sudah pun disediakan oleh Kerajaan untuk tapak Pejabat Pos itu. Untuk sementara ini, tolonglah hantarkan Kereta Pos sekurang-kurangnya satu kali seminggu iaitu pada tiap-tiap hari Jumaat kerana pada hari itu ada pekan Jumaat di Kuang. Kerajaan akan dapat untung dan orangramai mendapat kemudahan. Dan akhirnya penduduk-penduduk di Kuang juga

meminta saya sampaikan kepada Menteri yang berkenaan bahawa mereka meminta Keretapi Mel dari Kuala Lumpur atau dari Utara ke Kuala Lumpur hendaklah singgah di Kuang, untuk penumpang-penumpang hendak pergi ke Utara dan ke Selatan kerana stesyen keretapi telah ada di situ, dan juga supaya pekerja-pekerja dan murid-murid sekolah senang pergi ke situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pendapat saya berkenaan dengan Kementerian Kebajikan Am, Kepala B. 62. Di kawasan saya di Batu, khasnya di Kampung Nakhoda, Selayang Baru dan Batu Caves, banyak janda-janda askar dan juga janda-janda orang awam yang mempunyai anak dan ada anak-anaknya yang bersekolah. Maka saya merayu kepada Kementerian ini mengadakan satu binaan khas bagi janda-janda ini dan dibawa mereka ini tinggal di situ, tetapi sesudah banciaan diambil dan binaan itu siap, kalau kita buat begitu, kita akan dapat menjaga nama baik negara kita, supaya janda-janda ini jangan jadi pelacur. Baiklah Kerajaan bela dan mereka boleh diberi kerja di tempat mereka tinggal itu seperti jahit-menjahit, sulam-menyulam, bertanam sayur dan sebagainya Hasil kerja mereka itu boleh dijualkan untuk belanja mereka sendiri dan untuk Kerajaan. Anak-anak mereka dihantar ke sekolah dan apabila mereka sudah lulus dan bekerja, segala wang perbelanjaan sekolahnya, boleh dipotong balik apabila mereka sudah bekerja. Kerajaan kita dapat nama yang baik kerana menolong janda-janda dan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, B. 63. Saya suka menarik perhatian Menteri ini berkenaan dengan membina jalanraya. Apa yang saya nampak di Jalan Kuching tempat saya lalu setiap hari, mula-mula Kerajaan telah bina jalan itu dengan baik, lebih kurang 6 bulan lepas itu, tepi jalannya, digali dan dimasukkan cable letrik dan diturap dengan tar, tak lama lepas itu Jalan Kuching ini juga digali lagi tepinya dan dimasukkan cable atau dawai talipon dan diturap dengan tar juga. Kemudian selepas itu digali lagi tempat itu juga, dimasukkan pula paip air yang besar. Pendek kata dalam tahun 1973 yang lepas ini Jalan Kuching tempat saya lalu itu sudah digali 3 kali, di tempat yang sama. Mula-mula digali,

dimasukkan cable letrik, kemudian dimasukkan cable talipon dan lepas itu digali untuk paip air. Dari sini, kita nampaklah kecerdikan dan kebijaksanaan engineer kita. Wang habis, kerja berbalik-balik. Saya nampak jalan semacam ini semata-mata untuk mengenyangkan atau mengkayakan kontrektor-kontrektor yang membuat jalan itu dan rakyat sedikit sahaja yang dapat kerja. Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya perkara semacam ini jangan berlaku lagi apabila membina jalan-jalan raya yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya merayu kepada Kementerian ini juga iaitu di mana-mana sahaja ada round-about dalam Kuala Lumpur ini seperti di Jalan Maxwell, bulatan di Bank Negara, di hospital Jalan Pahang, tolonglah dibuat lampu isyarat kerana saya sudah perhatikan sangat lama, apabila ada round-about, kereta-kereta terpaksa menunggu berjam-jam baharu lepas. Tetapi jikalau menggunakan lampu isyarat, perjalanan kereta tidak begitu lambat, dan tidak payah menggunakan polis menjaga terafik. Pada masa ini apabila sampai sahaja dekat bulatan atau round-about maka beratus-ratuslah kereta tertunggu-tunggu mengambil gilirannya dan ada pula berlaku perlanggaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu juga kepada Kementerian ini supaya mendirikan beberapa banyak jambatan-jambatan di atas jalan seperti di antara rumah-rumah pangsa di jalan Pekeliling, rumah pangsa yang sedang dibina di Jalan Kuching dan lain-lain tempat yang merbahaya oleh kereta. Tujuan saya ialah untuk menyenangkan murid-murid sekolah dan orang-orang tua menyeberang jalan kerana kereta terlampau banyak sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyentuh tentang Kementerian Kemajuan Tanah di bawah Kepala B. 64. Saya merayu kepada Kementerian ini supaya dapat berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri kerana pada masa ini:

- (1) orang-orang jual beli-tanah;
- (2) orang-orang mengambil kuasa tanah;
- (3) orang-orang menukar syarat tanah dari agriculture kepada perumahan; dan
- (4) menukar hakmilik antara saudara dengan saudara memakan masa yang sangat lama dan banyak orang-orang kampung yang miskin mengeluh sebab tersangat lama.

Patutlah Kementerian ini membuat satu tarikh, atau jadual bagi satu-satu perkara yang saya sebutkan di atas tadi, seperti tukar nama, jual-beli, masanya 2 bulan, mestilah selesai kerja itu. Ambil kuasa—3 bulan; conversion 4 bulan dan tukar hakmilik antara saudara-mara 3 bulan, bukan bertahun-tahun, seperti yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, berkenaan dengan tanah. Kita tahu banyak orang-orang Melayu tidak mempunyai tanah. Maka sudah sepatutnya Kerajaan membanci orang-orang kita, di tiap-tiap Negeri ini dan diberi peluang kepada mereka. Pada masa ini orang-orang yang memohon sahaja diberi tanah, orang-orang yang tidak memohon, tidak diberi, tetapi banyak lagi orang-orang bumiputra tidak bertanah. Tanah yang saya maksudkan, ialah tanah-tanah getah dan kelapa sawit, untuk sara hidup mereka dan untuk harta mereka hingga cucu cucitanya. Jikalau ini dapat dijalankan oleh Kerajaan, barulah kekayaan negara kita ini, dapat orang-orang bumiputra rasai. Pada masa ini, kebanyakan orang bumiputra hanya mempunyai tanah untuk tempat tinggal sahaja, tetapi kebun getah atau kebun kelapa sawit, untuk nafkahnya tidak ada. Saya merayu kepada Kementerian Tanah, tolonglah fikirkan, supaya kita bagi-bagikan tanah yang banyak lagi kosong, di negara kita ini, antara sama-sama kita, iaitu rakyat Malaysia dengan tidak mengira kaum.

Sekianlah pandangan saya berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1974 ini, yang saya fikir tiap-tiap tahun, begitulah perbelanjaan negara kita. Saya sekali lagi, mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan, kerana kebijakannya membahagi-bahagi peruntukan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan di negara kita dan saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

4.16 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam Perbahasan berkenaan dengan Belanjawan ini.

Yang pertama sekali, saya minta di dalam Dewan ini tolonglah memandang kepada sahabat-sahabat yang ada di keliling kita ini. Kita adalah Ahli Dewan Negara yang mempunyai hak untuk bercakap, tetapi saya

merayu dan meminta sebagai wanita, sebagai salah seorang ibu supaya percakapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dipendekkan supaya dapat Ahli-ahli kita yang ada di dalam Dewan Negara ini dapat kesemuanya bercakap sedikit-sebanyak. Janganlah kita bercakap dari Kementerian Kewangan terus sehingga habis Jabatan-jabatan yang lain. Sahabat-sahabat kita terpaksa melangok dengan sejuk semua kaki tangannya kebas kerana hendak menunggu peluang bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang macam keretapi hanya sebagai bas yang memuatkan kanak-kanak sahaja. Yang pertama, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Menteri Kewangan yang mana telah memberi kehormatan kepada kaum wanita, telah memberi belas kasihan kepada kaum wanita, tetapi saya ingin minta kepada Menteri Kewangan hendaklah berhati-hati mengenai Cukai Pendapatan bagi suami-isteri yang bekerja, iaitu hendaklah diasingkan supaya tidak membawa kerugian kepada suami dan isteri kalau dicampurkan Cukai Pendapatan itu. Saya tidak tahulah perasaan Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi pada pendapat saya sendiri pengenalan cukai seperti itu sangat merugikan kepada kaum wanita juga.

Yang kedua, minyak petrol yang mana digunakan oleh orang-orang kaya, Menteri-menteri, hartawan-hartawan, tetapi minyak diesel ini kalau cukai dinaikkan siapakah yang rugi? Yang rugi ialah pak-pak tani yang ada disekitar daerah luarbandar, kerana bot-bot yang digunakan itu menggunakan minyak diesel. Kalau sekiranya mereka pergi ke laut belum tentu mereka akan dapat wang untuk mencari kehidupan mereka. Kalau harga minyak itu sudah dinaikkan bagaimanakah pula kedudukan mereka? Kerajaan telah berjanji hendak menghapuskan kemiskinan orang-orang kampung, dan saya harap kepada Menteri Kewangan bahawa perkara ini hendaklah berhati-hati dikaji dengan sehalus-halusnya.

Yang ketiga, diberi kelonggaran kepada orang yang mempunyai anak setakat 5 orang sahaja. Kalau sekiranya ibubapanya itu orang kaya sekali pun, ini adalah tidak patut; sekurang-kurangnya ditetapkan lapan orang anak, atau sepuluh, boleh dikecualikan daripada pemberian itu. Begitu juga kalau

tidak salah semasa dibahaskan di dalam Dewan Rakyat, kalau sekiranya anak itu cacat umurnya 16 tahun baharulah dikecualikan, tetapi kalau anak itu tidak cacat, bagaimana pula bapanya hendak beri makan? Takkanlah anak itu terus besar, terus berkahwin, terus bersuami—tidak; ada juga anak-anak yang tidak berkahwin maka bagaimanakah pula anak-anak yang dipelihara oleh ibubapanya itu? Ini saya berharap kepada Menteri Kewangan, fikirkanlah dengan sehalus-halusnya supaya melebihi anak itu tidaklah disekat-sekatnya melainkan rakyat tidak ada dalam negeri kita kelak.

Yang keempat, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas banyaknya benda-benda yang dikecualikan daripada cukai, tetapi barang-barang yang dikecualikan daripada cukai itu tidak mustahak bagi orang-orang kampung seperti benda-benda dalam tin, siapakah yang hendak makan? Cubalah Tuan Yang di-Pertua fikir, siapa yang hendak makan? Tentulah orang-orang yang berada. Apa gunanya benda-benda itu diturunkan? Tidak guna, cuma memberi keuntungan kepada orang-orang yang berniaga sahaja, tetapi tidak kepada orang-orang kampung.

Pada hari yang sudah, saya telah bercakap bahawa benda-benda yang mustahak yang menjadi keperluan kehidupan sehari-hari orang-orang kampung yang ada di dalam negara kita ini patutlah diturunkan. Saya merayu sekali lagi—saya telah bercakap pada mesyuarat tahun yang lalu bahawa gaji-gaji kerani telah dinaikkan begitu juga buruh kasar (I.M.G.), Tentera telah juga dinaikkan, tetapi mengapakah tidak ditambah gaji-gaji Polis yang ada sekarang ini? Patutlah kita memberi peluang supaya polis-polis ini merasa juga nikmat daripada Kerajaan, walaupun Kerajaan memberi kesenangan tetapi gajinya sangat rendah diberi oleh Kerajaan kepada polis-polis ini. Saya berharap pada masa yang akan datang, tolonglah kesihan kepada rakyat kita yang membela nasib kita pada masa yang akan datang.

Begitu juga cukai-cukai sebagaimana yang telah ditetapkan ini, janganlah banyak sangat diambil sebagaimana cukai teksi dan tanah, kerana mereka telah menderita. Saya berharap dan merayu tiap-tiap kali saya bercakap di dalam Dewan Negara ini supaya

kesihanilah mereka itu. Saya percaya pandangan saya ini adalah sama dengan rakan-rakan saya yang lain.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bercakap atas usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan sekarang selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.25 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.45 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

4.45 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 ini dan akan menyampaikan beberapa perkara yang timbul, terutama sekali berkenaan perkara yang saya sendiri ketahui.

Yang pertama sekali, saya sebutkan di sini berkenaan dengan Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang mana hari ini banyak syarikat-syarikat dan perusahaan-perusahaan tumbuh di seluruh negara kita ini dan mengambil ramai pekerja-pekerja. Jika sekiranya perkara ini tidak diawasi oleh pihak E.P.F., saya yakin dan percaya ada syarikat-syarikat yang telah menipu pekerja-pekerja ini dengan tidak memasukkan atau tidak mencarumkan Kumpulanwang Simpanan Pekerja bagi pekerja-pekerjanya. Ini saya tahu kerana ada sebuah syarikat di Seremban yang mana telah melakukan perkara ini, tetapi malangnya, pekerja ini tidak tahu di mana tempatnya yang mereka ini mesti menulis surat untuk mengadu.

Saya telah membuat surat bagi seorang pekerja yang mana telah ditipu oleh syarikat yang tersebut. Wang Simpanan Pekerja dipotong tiap-tiap bulan daripada pekerja ini, tetapi malangnya wang ini tidak disampaikan kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja dan pihak Kumpulanwang

Simpanan Pekerja jarang-jarang sekali menghantar laporan kedudukan kewangan simpanan pekerja itu. Saya rasa perbuatan pihak E.P.F. tidak menyampaikan kira-kira simpanan seorang yang menyimpan wang adalah sangat-sangat mendukacitakan. Kalau alasannya tidak dapat alamat perkara ini adalah mustahil, sebab di dalam borang semasa mereka ini menandatangani untuk menjadi seorang daripada penyimpan wang ada alamatnya dengan terang dan nyata. Saya harap perkara ini dapat diambil perhatian yang paling berat sekali oleh pihak E.P.F.

Seperti yang saya katakan tadi saya menulis surat menolong orang itu sudah 7 bulan; jawapannya di dalam tindakan, dan saya dapat tahu pula syarikat tempat orang ini bekerja hampir-hampir hendak tutup pula. Maka tindakan daripada Kumpulanwang Simpanan Pekerja belum juga dapat dijalankan, tetapi pengaduan sudah dibuat, kerana pihak syarikat yang tersebut memotong tiap-tiap bulan tetapi syarikat itu tidak menyerahkan kepada K.W.S.P. Lepas itu dia hantar 3 bulan, tetapi gaji daripada pekerja ini dipotong tetapi potongan itu tidak dihantarnya. Perkara ini dapat diketahui bila pekerja itu berhenti daripada syarikat itu dia hendak tahu bagaimana kedudukan wangnya. Dia minta saya tulis surat dan saya tulis kepada pihak yang berkenaan, maka didapati daripada laporan itu satu tahun wang pekerja ini tidak diserahkan oleh pihak syarikat yang tersebut. Saya yakin dan percaya bukan orang ini seorang sahaja yang kena, tetapi mungkin banyak lagi pekerja-pekerja yang lain yang kena. Saya harap pihak Kementerian yang berkaitan mengambil perhatian yang berat supaya pekerja-pekerja tidak ditindas oleh pihak syarikat-syarikat yang sedang tumbuh di negara kita ini.

Saya beralih kepada Menteri Penyelarasan Kampung-kampung Baru. Di kawasan saya ada satu kawasan kampung baru yang mana rasa saya di seluruh Negeri Sembilan ini satu sahaja kampung baru yang diduduki seluruhnya oleh orang-orang Melayu. Kampung ini ialah Kampung Baru Pantai yang mana penduduk itu dipindahkan dahulu, tanah yang di tempat pemindahan ini diambil daripada tuan tanah orang Melayu juga di sana dan sudah dibayar gantiruginya, tetapi malangnya hari ini penduduk-penduduk

yang dipindahkan itu tidak dapat hak milik tanah yang ada dalam kampung baru itu. Bila ditanya kepada Pendaftar Tanah, jawabnya masalah ini adalah masalah Kementerian yang bersangkutan dengan kampung-kampung baru, pihak Kementerian akan membuat satu dasar. Dasar itu sehingga hari ini belum dapat dilaksanakan. Kesulitan-nya, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini duduk secara duduk tanah haram, tidak ada satu pegangan. Bila hendak minta memasukkan bekalan air, pihak Kerja Raya tidak dapat memberikan bekalan air kerana tanah ini tidak ada tanda hak milik samada lesen sementara ataupun sebagainya. Saya rasa ini satu perkara yang menyusahkan orang ramai, maka Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya. Kalau pegawai-pegawai Kementerian itu datang ke Seremban berjumpa saya, saya sedia membawa mereka ke tempat yang tersebut untuk mengkaji kedudukan-kedudukan yang saya nyatakan ini.

Berhubung dengan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, saya hendak sebutkan bahawa hari ini Jalanraya Persekutuan ialah jalanraya yang paling baik sekali di Tenggara Asia, begitu juga jalan-jalanraya yang ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri. Apa yang saya hendak sebutkan ialah jalan-jalan di dalam kampung. Jalan-jalan dalam kampung ini ada dibuat, tetapi peruntukannya mengharapkan peruntukan kerja-kerja kecil yang tidak memadai untuk melaksanakan atau membaiki jalan ini. Saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan kalau sekiranya difikirkan patut sudah sampailah masanya Kementerian yang berkenaan menubuhkan satu unit khas untuk mengawal dan menjaga jalan-jalan yang ada di dalam kampung ini, kerana hari ini barangkali banyak penduduk-penduduk luarbandar yang bekerja ke Ibu Negara ini dan mereka balik dengan motokar spotnya atau sebagainya menempuh jalan yang buruk dituduhnya wakil rakyat kawasan itu tidak bekerja dan tidak mahu berikhtiar untuk membaiki jalan yang tersebut. Yang sebenarnya, wakil rakyat di situ sentiasa mengawasi jalan itu untuk dibaiki, tetapi malangnya peruntukan yang ada untuk jalan-jalan kampung ini cuma peruntukan kerja-kerja kecil.

Saya terpaksa menyentuh Kementerian Kesihatan. Baru-baru ini pengambilan

pekerja sedang dilaksanakan di Seremban iaitu sebagai Atendan dan Buruh Kasar, tetapi apa yang mendukacitakan setelah pemohon-pemohon ini mengisi borang permohonan di atas jawatan tersebut mengikut apa soalan-soalan yang dikehendaki mereka dipanggil temuduga. Selepas ditemuduga surat tawaran dihantar yang mana mereka ini dipilih untuk memegang jawatan yang tersebut. Mereka hendaklah pergi periksa doktor. Sesudah dilakukan oleh pemohon ini dan mereka sudah lulus, maka manakala mereka ini pergi melapurkan kali yang kedua kepada pihak yang berkenaan di Seremban, maka mereka ini ditolak mentah-mentah sekadar alasannya:

- (i) Umurnya sudah lebih;
- (ii) Kerana sudah bersuami.

Adakah ini dasar Kementerian Kesihatan? Orang yang sudah bersuami tidak boleh bekerja dalam Kementerian Kesihatan. Kalau sekiranya ini dasarnya mengapa dan kenapa dipanggil mereka ini temuduga, walhal di dalam borang pemohon itu telah sah dicatitkan yang pemohon ini ada mempunyai suami, manakala permohonan itu sampai apa guna dipanggil lagi mereka ini untuk temuduga. Dan di dalam temuduga itu sendiri telah ditanya: Awak ada suami atau tidak? Jawapan telah diberi oleh pemohon yang mereka telah bersuami, dan telahpun ditawarkan pula supaya pergi mengambil Pemeriksaan doktor, kalau lulus dia akan ditawarkan jawatan tersebut, tetapi manakala semua sempurna, maka mereka ini pergi melapurkan semula untuk menentukan bila ia akan berkhidmat dengan Jabatan Kesihatan ini. Jawabnya: Awak tidak boleh berkhidmat kerana awak ada mempunyai suami. Ini rasa saya adalah perbuatan yang paling zalim sekali. Saya berharap pihak Kementerian menyasat perkara ini. Saya juga bersedia kalau datang ke Seremban memberikan apa juga butir-butir yang dikehendaki oleh pihak Kementerian berhubung dengan perkara ini.

Dalam masalah Lembaga Pelawat Hospital yang telah dibangkitkan oleh saudara saya tadi, tetapi apa yang saya hendak bangkitkan ini lain sedikit. Saya seorang Ahli Lembaga Pelawat Hospital. Dalam Mesyuarat Lembaga Pelawat diminta wakil rumah sakit itu hadir, dijawab oleh pegawai yang berkenaan tidak boleh datang

kerana ini dasar. Segala perkara yang tidak puashati oleh Lembaga Pelawat ini bolehlah diberitahu kepada Badan Muhibbah yang mana wakil Lembaga Pelawat ada 3 orang yang mana bermesyuarat 3 bulan sekali, kadang-kadang masalah yang timbul dalam mesyuarat itu kecil sahaja kalau sekiranya wakil rumah sakit itu ada hadir dapat diselesaikan dengan 5 minit. Wakil rumah sakit ini tidak mahu datang, adakah ini dasar pihak Kementerian? Saya sendiri tidak tahu. Saya juga menjadi seorang Lembaga Pelawat Rumah Kebajikan Seremban. Dalam mesyuarat bulannya, Pengarah Kebajikan, Penguasa Rumah Kebajikan itu duduk sama berbincang. Tetapi malangnya, di rumah sakit bila Mesyuarat Lembaga Pelawat, pegawai-pegawainya atau wakil-wakilnya tidak boleh berbincang dengan Lembaga Pelawat, tetapi air minuman disediakan. Kalau ini menjadi dasar Kementerian Kesihatan, saya harap Kementerian Kesihatan kaji semula dasar ini demi kebaikan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya hendak sentuh satu perkara mengenai Kementerian Buruh. Perkara ini baru sahaja berlaku dan perkara ini sudahpun disampaikan kepada Kementerian Buruh, mengikut laporan yang disampaikan kepada saya yang mana satu syarikat Guthrie Rubber Processing Sdn. Bhd, Siliau telah membuang pekerja dengan memberi notis 24 jam sehari 6 orang dan menahan bekerja sehari seramai 110 orang pekerja disebabkan pada 3hb Januari dahulu mereka tidak datang bekerja, kerana mereka orang Islam, pada hari itu jatuh Hari Raya Haji. Malangnya, syarikat yang tersebut pada 2 haribulan telahpun mengeluarkan satu siaran kepada pekerja-pekerjanya yang berbunyi: "... kerana berkehendakkan penghasilan banyak, kami tidak boleh memberi cuti kepada pekerja-pekerja Muslim yang bekerja di bahagian kilang yang menghasilkan, pada hari 3hb Januari, 1974, Hari Raya Haji. Pekerja-pekerja Muslim yang tidak bekerja di bahagian kilang yang menghasilkan, bolehlah memohon cuti kepada Penolong Pengurus, kalau mereka hendak mengambil cuti pada 3hb Januari, 1974."

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya syarikat ini telah melanggar "Rukunegara" dan tidak menghormati hari ugama yang mana Hari Raya Haji adalah satu hari besar orang

Islam, yang lebih besar lagi, pada hakikatnya, daripada Hari Raya Puasa. Perbuatan yang dilakukan oleh pegawai syarikat ini tidak memberi cuti kepada pekerjanya orang Islam pada hari yang tersebut, saya rasa adalah sangat mendukacitakan, dan saya percaya perbuatan ini adalah satu perbuatan yang provokasi yang cuba hendak menimbulkan perasaan tidak puashati orang Melayu yang beragama Islam dengan pekerja-pekerja yang ada di ladang yang tersebut. Saya harap Kementerian Buruh dapat membuat penyiasatan yang teliti dalam perkara ini, kalau sekiranya perkara ini benar-benar berlaku satu tindakan yang sewajar hendaklah diambil supaya tidak lagi berulang. Kalau berulang perkara ini, saya yakin dan percaya satu rusuhan mungkin akan berlaku, kerana saya tahu perasaan saya sebagai seorang Islam, orang Islam tidak marah kalau bawa daging babi ke rumahnya atau curahkan arak di lantai rumahnya, tetapi dia akan naik marah manakala daging babi diletakkan di dalam masjidnya. Pada masa itu dia tidak akan peduli apa lagi. Jikalau sekiranya ada syarikat-syarikat atau pegawai-pegawai syarikat yang cuba hendak menghina hari kebesaran Islam ini, akibatnya buruk. Jadi, 6 orang daripadanya telah dibuang kerja dengan diberi notis 24 jam dan 110 orang daripadanya telahpun ditahan kerja satu hari, dan mereka yang akan ditahan satu hari ini, mengikut apa yang dinyatakan kepada saya, akan dipotong pula \$10 lagi daripada bonus mereka yang akan mereka terima. Saya rasa perbuatan ini adalah satu perbuatan yang provokasi. Saya harap Kementerian Buruh supaya menyiasat hal ini supaya satu perkara yang tidak diingini tidak berlaku di ladang atau di syarikat yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap berkenaan dengan kenaikan harga barang-barang. Walaupun sudah berapa kali Menteri memberi jawapan dan saya puashati di atas jawapan-jawapan itu, tetapi saya harap kenaikan yang ada ini cukuplah, janganlah sampai dia naik lebih lagi. Apa yang mendukacitakan ialah kesah tepung sebelum naik harga ada bermacam-macam cerita: tepung di sana tidak ada, tepung di sini tidak ada. Apabila isytihar sahaja naik 10 sen, di mana-mana sahaja tepung ada. Barangkali tepung yang datang ini dengan mengguna "Lampu Aladdin", dia boleh menjelma ke Perlis dengan serta-merta, ke

Seremban dengan sekelop mata, ke Pahang begitu juga; tidak timbul lagi, masalah kekurangan tepung.

Sekarang ini timbul pula masalah minyak gas. Hari ini saya terbaca dalam surat-khabar *Utusan Melayu* yang mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita menyarankan bahawa penyelewengan benar-benar berlaku pada masa mengedar minyak itu. Saya rasa kalau kita masih bercakap juga penyelewengan itu dan ini, bila sudah dibenarkan naik, minyak tanah itu umpoh dalam negara kita ini. Rasa saya tidak boleh dibiarkan begitu. Masanya sudah sampai kita mesti bertindak kurang ajar sedikit kepada mereka yang tidak bertanggungjawab itu. Selagi kita masih hendak berdemokrasi, tidak mahu bertindak kurang ajar, maka mereka akan mengajar kita. Saya rasa oleh kerana mereka ramai kawan-kawannya maka banyakkah ikhtiarnya, jadi Kerajaan juga yang malu kepada orang-ramai.

Akhirnya, saya menyebutkan berkenaan dengan buku teks. Berkenaan buku teks ini saya susah hati, sebab saya ada 3 orang anak bersekolah, diberilah senarai buku oleh sekolah sehinggalah tidak dapat dibaca. Saya cari buku ini di Seremban tidak berjumpa. Bila tanya satu kedai buku, katanya, belum keluar. Kalau buku ini belum keluar mengapa diizinkan—mengapa diizinkan sekolah menamakan buku ini untuk dicari oleh ibu bapa?

Ini rasa saya pihak Kementerian walau macam manapun terkait juga perkara ini, kerana terlampau longgar memberi kebenaran kepada Guru-guru Besar memilih buku-buku yang hendak digunakan kepada sekolah yang tersebut. Kadang-kadang dia hendak gunakan ejaan baru, cari seluruh kedai, kita tanya pekedai, buku ini belum keluar. Saya kata kalau belum keluar macam mana dia masukkan ke dalam ini. Jawapannya tidak tahulah. Ini pihak sekolah. Ada yang lebih mengikut, sudah beli ikut apa yang diminta mengikut senarai, bila anak pergi ke sekolah, kata guru buku ini tidak pakai; lain, walaupun namanya sama, pencetaknya sama, pengarangnya sama, tetapi lain. Rasa saya tentang perkara ini patut sangatlah Kementerian Pelajaran melantik satu Badan Khas di tiap-tiap Negeri untuk mengkaji masalah buku teks ini dan Guru Besar janganlah menjadi ahli Jawatan-

kuasa ini. Saya yakin dan percaya, kalau saya cakap begini, dikatakan menuduh Guru Besar itu berudang di sebalik batu, tetapi pada amalan yang ada ini, saya yakin apa yang berlaku ini ialah berudang di sebalik batu. Ini pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1973 dahulu saya telah bercakap atas perkara ini, tetapi saudara saya marah kerana saya bercakap memburukkan Tabung Haji. Tetapi kali ini terpaksa juga saya bercakap sekali lagi, bukan bercakap marah—tidak, tetapi supaya mengingatkan semula pihak Tabung Haji ini berhubung dengan urusan dengan orang yang hendak pergi haji. Pegawai-pegawai itu makan gaji selain daripada bantuan Kerajaan. Ini adalah hasil daripada duit yang disimpan oleh bakal haji. Kalau banyak untungnya itu, janganlah terlampau banyak hendak dibekalkan, berilah sedikit keuntungan itu untuk perkhidmatan kepada penyimpannya. Manakala dia sudah pergi sekali, jarang dia menyimpan lagi. Kesulitan yang timbul itu boleh melemahkan hasrat orang-orang untuk pergi menunaikan Fardu haji itu hilang. Datuk Crawford, menjadi Timbalan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang. Dia telah berjanji dengan saya dahulu bahawa dia akan membawa dalam mesyuarat Lembaganya supaya Pentadbiran Pelabuhan Kelang ini di perbaiki bila sampai jemaah haji kelak, tetapi tahun ini lebih mendukacitakan, sehinggakan Polis FRU yang mengawal tempat masuk pelabuhan menolak oleh orangramai. Rakan saya Datuk Crawford tidak ada masa itu. Saya berharap sekali lagi supaya pihak Tabung Haji dan juga pihak Lembaga Pelabuhan Kelang dapat berikhtiar, kalau tidak dapat membaiki 100% perbaikilah dari semasa ke semasa. Saya difahamkan kalau mengikut apa yang dimesyuaratkan keputusannya adalah bagus, tetapi masa perlaksanaannya tidak dapat dijalankan. Ini saya tidak tahu apakah puncanya. Keputusan dalam mesyuaratnya cukup cantik. Saya tahu kerana ada sahabat-sahabat saya di situ yang menyampaikan kepada saya tentang keputusan mesyuarat semasa hendak menyambut kapal haji, tetapi perlaksanaannya tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Saya berharap pihak Tabung Haji dapat menyempurnakan, kalau sekiranya barangkali kerana cuti Awam jatuh pada hari itu kapal haji sampai, suruhlah dia berhenti satu hari di laut jangan

masuk ke pelabuhan supaya mengurangkan kesibukan di pelabuhan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini.

5.20 ptg.

Tuan Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri sekali lagi di Dewan ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perkapalan yang dibahaskan sekarang ini.

Dalam menyokong usul ini, harus juga saya memberikan pandangan dan cadangan kepada Kementerian-kementerian Kerajaan yang tertentu supaya penggunaan perbelanjaan yang kita akan luluskan ini selaras dengan kemahuan dan aspirasi rakyat pada keseluruhannya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Saya menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bahawa pertolongan kewangan kepada Majlis Belia Malaysia adalah sangat-sangat tidak memuaskan untuk Majlis Belia Malaysia menjalankan projek-projek dan gerakan untuk perpaduan belia-belia di negara ini dan menggalakkan persahabatan dan perhubungan baik belia-belia antarabangsa. Tugas dan tanggungjawab Majlis Belia Malaysia bertambah tiap-tiap tahun, maka saya bercadang supaya peruntukan kewangan kepada Majlis Belia Malaysia ditambah.

Kebudayaan Kebangsaan

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah dan menyusul ucapan saya di Dewan ini pada 31hb Januari, 1974 yang lalu dan mengulas jawapan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada saya yang mana jawapan itu saya anggap tidak memuaskan. Sebenarnya saya tidak ada bertanya apakah Konsep Kebudayaan Kebangsaan oleh kerana bukan sahaja saya telah faham sedalam-dalamnya tetapi saya telah dan kami di Sabah telah memperjuangkan secara praktikal dengan tegas dan penuh berani. Saya hanya telah bertanya apakah tindakan telah dibuat terhadap rumusan-rumusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Ini ialah oleh kerana ada di antara kalangan budayawan dan intelek tertanya-tanya apakah projek-

projek Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang ini benar-benar memenuhi rumusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan atau telah dilonggarkan akibat tekanan-tekanan politik. Tidak adanya ketegasan dalam mengimplementasikan rumusan Kongres itu akan merosakkan sahaja haluan hidup masyarakat kita yang berbilang kaum dalam segi indentiti satu kebudayaan. Saya bimbang terhadap adanya kegiatan-kegiatan mewujudkan banyak kebudayaan yang tidak berperibadikan Malaysia di Negara ini dan ini boleh menghalang ujudnya suatu kebudayaan kebangsaan yang tulin. Hal inilah yang saya utarakan kepada Yang Berhormat Menteri itu tetapi lari dari garis itu. Yang Berhormat Menteri telah menolak istilah "mewujudkan" yang saya gunakan dalam ucapan saya. Saya faham bahawa erti mewujudkan ialah mengadakan atau wujud ialah ada, dan Yang Berhormat Menteri menegaskan bahawa masalah mewujudkan kebudayaan kebangsaan tidak timbul lagi kerana sudah wujud atau sudah ada. Kalau sudah ada, saya ingin bertanya, mana dia dan apa nilainya dan adakan dijunjung oleh seluruh rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya tetap berpegang kepada istilah mewujudkan, saya tegaskan sekali lagi istilah mewujudkan oleh kerana sehingga hari ini kebudayaan kebangsaan yang tunggal belum wujud dengan ertikata yang sebenarnya. Yang wujud hari ini ialah konsep Kebudayaan Kebangsaan dalam proses, dalam ideologi setengah-setengah orang, masih dalam teori atau di dalam bayang-bayang. Adalah samasekali tidak tepat mengatakan Kebudayaan Kebangsaan telah lama wujud di negara ini jika belum mendapat tempat dengan sewajarnya di kalangan semua golongan rakyat. Usaha-usaha mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan tidak mudah dengan kongeres yang hebat sahaja tetapi memerlukan praktikal sehingga mendapat tempat yang sewajarnya di kalangan rakyat. Dengan ini barulah mudah di bina, dibangun dan dikemaskan supaya tinggi nilai-nilai dan mertabatnya. Selagi belum wujud, maka selagi itu sukar dibina. Dengan itu sekali lagi saya menegaskan betapa perlunya Rancangan Malaysia Kedua memberatkan juga projek-projek mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan tanpa kelonggaran dari hakikat yang sebenarnya.

Penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa kebudayaan-kebudayaan lain kaum boleh dimasukkan dalam membina Kebudayaan Kebangsaan tanpa pembahagian-pembahagian tertentu, adalah mengelirukan dan jika tidak dihati-hatikan implementasinya, maka akan bertentangan dengan rumusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan iaitu semua teras dan unsur kebudayaan yang terdapat di Negara ini akan menuntut haknya masing-masing untuk mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan. Yang Berhormat Menteri tidak ada menjelaskan kebudayaan lain yang boleh masuk dalam Kebudayaan Kebangsaan itu samada disegi kepercayaan-kepercayaan membina kebudayaan ekonomi atau membina kesenian kebudayaan yang melibatkan bidang-bidang kesusasteraan, tarian, muzik dan sebagainya. Saya ingin merujuk perkara penting yang dirumuskan oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan bahawa Kebudayaan Kebangsaan adalah dibentuk dengan berteraskan Melayu dan berunsurkan budaya-budaya tradisional yang dipilih dan diolah semula sebagai landasannya. Walaupun ada saranan-saranan lain seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bahawa patutlah juga kita mengambil unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh ke atasnya semenjak beberapa lama supaya pengaruh-pengaruh yang bernafas dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sepatutnya menjelaskan dengan terang definasi adakah itu bermaksud kebudayaan-kebudayaan mendatang yang dikatakan sesuai oleh setengah orang atau oleh masyarakat budaya itu sendiri kesemuanya boleh dimasukkan dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Keterangan yang amat ringkas di Dewan yang amat penting ini boleh ditafsirkan dengan banyak pengertian iaitu samada budaya-budaya mendatang itu dari Timor Tengah, Eropah, Negeri Cina, India, Afrika dan sebagainya atau dengan jelas lagi bahawa Karate-Judo dan sebagainya itu boleh diterima dalam mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan.

Kekeliruan telah timbul dikalangan masyarakat kita hari ini dan ramai kaum budayawan sengaja melarikan diri dari masalah ini kerana telah diimplementasikan

lebih berat bagi kepentingan politik kumpulan-kumpulan daripada kepentingan sejarah dan keperibadian Malaysia yang hakikat. Walaupun perlu kita menimba nilai-nilai baru yang layak dan sesuai dalam usaha mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan tetapi ditengah-tengah usaha itu terdapat kekeliruan kerana adanya kegiatan-kegiatan yang bertambah hebat meninggikan nilai-nilai budaya sukan dan rakyat bimbang apakah kesudahannya nanti jika Kerajaan tidak dapat mengatasi kegiatan itu dengan memperhebatkan juga projek-projek yang dapat mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan yang sebenar dengan teras dan unsur yang tidak merosakkan keperibadian Malaysia.

Saya berpendapat menimbulkan masaalah ini bukanlah menegangkan suasana tetapi satu ingatan kepada kita tentang tanggungjawab berat bagi mempercepatkan wujudnya Kebudayaan Kebangsaan dan perkara-perkara yang mengelirukan patut dijelaskan semula demi kepentingan perpaduan yang lebih kukuh antara semua kaum.

Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan dasar pelajaran, dimaklumkan kepada Dewan ini bahawa Sistem peperiksaan L.C.E. dan S.R.P. telah mula diperkenalkan di Sabah tahun 1973 lalu bagi menggantikan peperiksaan Local Junior. Dikesalkan sekali bahawa keputusannya amat buruk dan di antara punca-puncunya dipercayai ialah oleh kerana ianya sangat baru di Sabah dan sudah pasti penuntut-penuntutnya menghadapi beberapa kerumitan.

Bagi mengelakkan murid-murid menjadi mangsa kerana langkah pertama itu yang menutup masa hadapan mereka, maka adalah dicadangkan supaya Kerajaan Pusat memberi seberat-berat perhatian dan segera membentuk satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji punca-punca kelemahan itu dan tidak semata-mata menyerahkannya bulat-bulat kepada Kerajaan Negeri Sabah sebagaimana yang diterangkan oleh wakil Menteri Pelajaran dalam menggulung perbincangan kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Kedua.

Oleh kerana langkah tersebut ialah langkah permulaan maka Kerajaan sepatutnya melonggarkan syarat-syarat meneruskan pelajaran penuntut-penuntut yang tidak

begitu teruk keagalannya dengan memberikan mereka peluang mengulangi pelajaran di Tingkatan Tiga. Menolak semua sama sekali penuntut yang gagal amatlah tidak sesuai untuk permulaan ini tanpa siasatan yang mendalam. Jika sistem baru itu telah lama berjalan di Sabah, soal memberi perhatian kepada penuntut-penuntut yang gagal tidaklah timbul.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan sistem pelajaran rendah di Semenanjung Malaysia, maka adaiah sudah sampai masanya sistem peperiksaan Darjah Enam dimansuhkan juga di negeri Sabah. Ini adalah bagi memberi peluang yang lebih baik kepada penuntut-penuntut di Darjah Enam untuk meneruskan pelajaran mereka di peringkat menengah.

Peperiksaan Darjah Enam nampaknya tidak juga begitu dapat menolong penuntut-penuntut mencapai taraf pelajaran yang lebih baik untuk sesuai duduk di peringkat menengah tetapi sistem ini memberi kesan pula kepada penuntut-penuntut yang sedikit lemah dan gagal dalam peperiksaan. Agak tidak sesuai masa ini seseorang belia yang lemah pelajaran rendahnya dalam lingkungan usia antara 12 hingga 15 tahun diberhentikan sekolah dan tidak diberikan peluang lain lagi. Mereka yang gagal Darjah Enam biasanya terus hanyut dan tidak dapat menggunakan pelajaran yang dituntut selama enam tahun itu dalam penghidupan mereka dan ramai menjadi nelayan, buruh kasar, penoreh getah atau menganggur beberapa lama. Kesan-kesan sistem penjajahan ini banyak menimbulkan penyakit sosial di kalangan belia. Kerana ramai belia hanyut dalam penghidupan walaupun mempunyai pelajaran Darjah Enam maka ini menggalakkan ibubapa enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana mereka berpendapat bahawa pelajaran Darjah Enam tidak ada nilainya. Dengan ini amat patut sistem peperiksaan Darjah Enam di Sabah dimansuhkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pengambilan penuntut-penuntut adalah dicadangkan supaya disesuaikan dengan keadaan setempat di Sabah. Dewan sedia maklum bahawa Sabah masih ketinggalan dari segi pembangunan jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia terutama sekali di bidang pelajaran di kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil. Ramai rakyat buta

huruf di kawasan-kawasan tersebut dan ini akan bertambah buruk lagi jika dasar pelajaran di kawasan-kawasan luar bandar tidak disesuaikan dengan corak hidup dan adat resam disana. Kelonggaran penyekatan had umur bagi kemasukan murid-murid di luar bandar patut dilonggarkan lagi, ini ialah oleh kerana had umur enam tahun atau lebih sedikit daripada itu adalah tidak mampu pergi ke sekolah oleh kerana mereka terpaksa naik bukit turun bukit, mengharung sungai dan merentas sawah yang berbatu-batu jauhnya. Kanak-kanak di bawah umur sepuluh tahun pasti sukar menghadapi masa ini dan kalau dikatakan mereka seharusnya pergi ke sekolah secara berkumpul-kumpul, juga tidak praktikal oleh kerana mereka tinggal jauh di antara satu sama lain. Ibu bapa pula pasti tidak dapat menghantar anak-anak mereka selama-lamanya kerana mereka juga menghadapi masalah mencari nafkah. Ada kejadian di Sabah, murid-murid masih dalam Darjah Lima atau Enam di kawasan luar bandar sudah mempunyai isteri kerana pegangan adat kebudayaan mereka dan berbagai masalah lagi dan jika dasar pelajaran bandar disamakan dengan luar-bandar sudah tentu menjadi masalah kepada mereka seumpama ini. Dengan itu Kerajaan tidak seharusnya mengetatkan peraturan dasar pelajarannya di kawasan luar bandar sepanjang yang berkaitan dengan masalah perhubungan, kemudahan dan adat resam penduduk-penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah pelajaran banyak terletak kepada Kerajaan Negeri Sabah tetapi bersabit dengan perkara-perkara keciciran dan pengangguran yang ada kaitan dengan pelajaran. Kerajaan Pusat janganlah memandang perkara ini perkara enteng dan menyerahkannya bulat-bulat kepada Kerajaan Negeri Sabah dan memandang masalah itu seperti bola. Kesemuanya diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan. Kalau ada perkara-perkara mengenai pelajaran dibangkitkan janganlah selalu menyerahkan inisiatif kepada Kerajaan Negeri semata-mata. Kerajaan Pusat seharusnya memulakan inisiatif kerana pelajaran bahagian besarnya juga bersama-sama terletak kepada Kerajaan Pusat. Bila dicadangkan supaya Kerajaan Pusat menjalankan penyiasatan sebab-sebab kelemahan pelajaran di Negeri Sabah janganlah dikatakan diserahkan

kepada kerajaan Negeri. Adalah tidak lojik kalau Kerajaan Negeri menjalankan penyiasatan dulu kemudian Kerajaan Pusat mengadakan lagi penyiasatan. Sistem "Red Tape" seumpama ini patut dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta perhatian supaya Kerajaan menambahkan lagi quota bilangan penuntut-penuntut dari Sabah untuk memasuki Universiti-universiti di Semenanjung ini. Ini adalah salah satu cara membanyakkan pegawai-pegawai mahir bagi kepentingan Sabah khususnya dan Malaysia umumnya pada masa hadapan. Sabah tidak boleh bergantung selama-lamanya kepada pegawai-pegawai mahir dari luar tetapi akan terpaksa bergantung kepada pegawai-pegawainya sendiri.

Radio dan TV.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan masalah Radio dan TV di Negara kita ini, pada 31hb Januari 1974, saya telah menyuarakan di Dewan ini supaya TV menambahkan lagi bahan-bahan terbitan tempatannya yang berperibadikan Malaysia bagi membantu menaikkan moral, mutu pemikiran di kalangan rakyat di samping meninggikan kesenian dalam usaha mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan yang belum benar-benar wujud itu.

Berhubung dengan siaran TV, nampaknya masa yang diberikan untuk lapuran Dewan Negara tidak mencukupi. Tempoh lapuran patut dipanjangkan lagi supaya rakyat berpuashati dapat bersama-sama mengikuti apa yang disuarakan oleh mereka terutama mengenai masalah yang berkaitan dengan diri mereka. Satu perkara yang menghairankan ialah tentang lapuran Dewan Negara pada pukul 9.20 malam 31hb Januari 1974, ialah hanya menyiarkan suarasuara wakil dari Semenanjung Malaysia tetapi tidak menyiarkan suara rakyat yang disampaikan oleh wakil dari Sabah iaitu saya sendiri. Saya tidak bermaksud mahu kan pablisiti murah tetapi sedikit hairan—apakah masalah di Sabah itu bukan masalah Negara atau masalah itu out of date maka diketepikan, padahal saya ialah orang yang kedua bercakap di Dewan ini pada hari tersebut. Ada baiknya pada masa-masa hadapan pihak TV menambah lagi masa lapurannya dan tidak pilih bulu kerana ini akan merosakkan perpaduan antara wilayah, walaupun ada keadilan dalam penyiaran di

Radio tetapi rakyat lebih suka menonton TV hari ini kerana kesannya lebih baik.

Jika TV boleh menyiarkan rancangan Tom Jones atau rancangan-rancangan yang diimpot hingga setengah jam mengapa pula TV tidak boleh menyiarkan lapuran Dewan Negara lebih daripada itu, oleh kerana siaran ini adalah masalah rakyat dan rakyat mahu mengetahui masalah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperbaiki lagi mutu siaran terbitan tempatan samada TV atau Radio sekarang ini, bayaran saguhati bagi semua bahan siaran kepada penulis-penulis dan pelakon-pelakon hendaklah ditambah lagi supaya lebih ramai mereka yang berbakat dapat memberikan kerjasama. Tenaga dan fikiran professional perlu lebih banyak disumbangkan bagi menambahkan mutu siaran TV dan Radio dan perkara ini tidak begitu terdapat sekarang ini kerana mengikut pendapat penulis bayarannya kurang memuaskan.

Pada masa ini TV Malaysia hanya menyiarkan pertandingan bakat TV dan Bintang RTM sepenuhnya sedangkan pertandingan drama dan tarian hanya meliputi lapuran singkatnya. Ada baiknya pihak TV menyiarkan seberapa luasnya atau sepenuhnya pertandingan drama dan tarian yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan. Belia dan Sukan tiap-tiap tahun oleh kerana siaran ini memberi makna yang besar dalam usaha mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan dengan ertikata yang sebenarnya. Saya berpendapat seni drama dan tarian tidak kurang nilainya dengan bakat TV dan RTM malahan lebih daripada itu. Di negara kita sekarang ini terdapat lebih banyak pancaragam daripada badan-badan drama dan tarian yang terus bergiat, ini ialah oleh kerana tidak adanya galakan. Hadiah pertandingan drama dan tarian tiap-tiap tahun juga amat rendah jika dibandingkan dengan hadiah bakat TV hingga \$5,000. Apakah bakat TV itu lebih berkesan membangun Kebudayaan Kebangsaan daripada drama dan tarian? Perkara ini patut diselidiki oleh Kementerian yang berkenaan.

Pihak TV Malaysia juga patut mengadakan penapisan filem-filem yang diimport lebih ketat lagi. Filem seperti Dracula atau cerita-cerita hantu yang disiarkan oleh TV di negara ini yang mempunyai unsur-unsur kepercayaan kebudayaan Barat yang kuno bagaimana Dracula boleh ditewaskan oleh

kekuasaan-kekuasaan salib (cross) adalah unsur-unsur yang boleh merosakkan kepercayaan Kebudayaan Negara ini terutama sekali boleh menjejaskan keagungan ugama Islam sebagai ugama resmi di negara ini. Kita sedia menerima cara-cara saintifik dan yang membina dari Barat bagi memperbaiki mutu pemikiran masyarakat kita tetapi bukan cara-cara kepercayaan kebudayaan yang kuno yang sudah tidak diterima oleh fikiran temadun Barat sendiri.

Pengangguran

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Kedua salah seorang Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan bahawa salah satu cara mengatasi masalah pengangguran di Semenanjung Malaysia ialah dengan menghantar belia-belia ke Malaysia Timur termasuk Sabah. Mengenai dengan Sabah, inginlah saya menarik perhatian Dewan ini bahawa sebelum sesuatu keputusan diambil dalam segi ini masalah yang sebenarnya yang berlaku di Sabah sekarang ini patutlah diberi pertimbangan sedalam-dalamnya. Dari satu sudut pandangan, pertukaran-pekerja antara wilayah amat baik dalam struktur membina masyarakat Malaysia yang bersatu tetapi menyalahkan dasar ini boleh merosakkan tujuan baik itu.

Sabah masih muda dalam pembangunan dan juga mentaliti rakyatnya, dengan itu perasaan semula jadi memang ada iaitu belia-beliannya bimbang kehilangan tempat dalam segala segi. Perasaan ini tidak dapat dinafikan bukan sahaja terdapat di Sabah malahan di Negeri-negeri lain di Malaysia ini. Mereka takut hak-hak mereka dicabuli.

Kekurangan buruh mahir memang terdapat di Sabah dan Lembaga Tabung Perpindahan Pekerja Malaysia (Migration Fund Board) telah berusaha mengatasi masalah ini dengan menghantar penoreh-penoreh getah ke Sabah. Tetapi malang sekali tidak semua pekerja-pekerja yang dihantar itu benar-benar penoreh getah yang mahir, ada di antara mereka mungkin berasal dari lapangan pekerjaan lain di bandar yang hanya mempunyai sedikit pengalaman mengenai kerja menoreh dan bila telah bekerja beberapa lama di ladang getah di Sabah cuba pula mencari pekerjaan lain dan ada yang berjaya dan yang tidak berjaya menimbulkan pula masalah sosial.

Lembaga Tabung Perpindahan Pekerja dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat seharusnya berhati-hati memilih calon untuk ke Sabah, janganlah memilih orang-orang yang menimbulkan masalah-masalah sosial di ladang-ladang seperti suatu masa dulu pernah berlaku pemogokan pekerja di ladang. Pemogokan ini dimulakan oleh orang-orang yang memang terkenal suka mogok, sudah menjadi buah mulut bahawa jika dia seorang maka dia diam membatu tetapi kalau sudah berdua atau bertiga maka mulalah menubuhkan kesatuan, minta naik gaji, mahu buat ini dan buat itu. Belia-belia di Sabah tidak biasa menimbulkan masalah seumpama ini, jika ada masalah mereka senang sahaja menyelesaikannya bukan dengan mogok dan sebagainya. Kejadian seumpama ini memberi kesan buruk terhadap usaha mewujudkan satu rupa masyarakat Malaysia yang bersatu dengan perpindahan pekerja dari Semenanjung ke Sabah. Dengan itu pada masa hadapan belia-belia yang benar-benar perlu dihantar ke Sabah hendaklah dikaji semasak-masaknya, bukan yang suka mogok, yang suka mengganggu ketenteraman sosial di negeri Sabah.

Banyak masalah lain lagi yang Sabah terpaksa berhati-hati menerima belia daripada Semenanjung untuk bekerja di Sabah antaranya beberapa orang belia dari sini telah didapati terlibat dalam perbuatan-perbuatan memecah rumah dan berani merompak bank waktu siang. Ini satu keadaan yang tidak sihat menyebabkan masyarakat di Sabah sentiasa bimbang yang belia-belia mereka terpengaruh dengan perbuatan-perbuatan seperti itu.

Adalah diharapkan Kerajaan tidak akan membiarkan mana-mana belia yang pernah mempunyai kes mahkamah masuk ke Sabah kerana dengan keadaan yang makmur di negeri Sabah sekarang ini boleh menggalakkan orang-orang seperti itu melakukan lagi perbuatan-perbuatan jahatnya.

Sabah sebenarnya telah mula masalah pengangguran dan semakin ramai penuntut-penuntut lepasan Tingkatan Tiga, Lima dan juga Tingkatan Enam sukar mendapat pekerjaan apatah lagi mereka yang gagal di peringkat rendah dan menengah. Masalah ini patut ditimbangkan sedalam-dalamnya sebelum belia-belia di Semenanjung Malaysia mengalir beramai-ramai ke negeri Sabah. Mereka yang didatangkan dari Semenanjung

ke Sabah hendaklah mereka yang benar-benar dapat membantu Negeri itu membangun dalam segala bidang, sosial, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan dan bukannya yang hendak menimbulkan masalah-masalah.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah sahaja ucapan perbahasan saya dalam Dewan ini dan saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Usul yang dikemukakan pada Dewan ini.

6.05 ptg.

Tuan Ooi Eng Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh Supply Bill, 1974 yang sedang dibahaskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan Bill ini, saya amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Datuk Sri Syed Ahmad Shahabudin Al-Haj yang telah melantik saya sebagai wakil Negeri Kedah ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh tentang kekurangan rancangan perumahan Kerajaan di Negeri Kedah. Pada masa sekarang ada kira-kira lebih kurang 2,000 permohonan untuk mendapatkan rumah-rumah tersebut dan banyak lagi yang sedang diterima. Oleh kerana Kerajaan Negeri kekurangan wang, maka segala permohonan-permohonan ini tidak dapat dipenuhi. Dengan itu saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka menyentuh ialah tentang tambang bas sebanyak 4 sen sebatu untuk seorang penumpang yang mana telah diluluskan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sejak 25 tahun dahulu. Sejak dari itu sehinggalah sekarang ini terdapat banyak sekali kenaikan harga di dalam perkhidmatan bas seperti kenaikan pada harga rangka bas, badan bas, gaji-gaji pekerja, minyak, tayar, insuran, mencetak dan juga lesen motor vehicles. Pengangkutan-pengangkutan yang lain seperti kapal terbang dan keretapi semuanya telah menaikkan tambang masing-masing, tetapi tambang bas sahaja yang masih lagi tidak berubah. Saya

dengan ini memohon kepada pihak berkuasa yang berkenaan supaya menyemak kembali tambang-tambang tersebut ataupun mengurangkan bayaran lesen motor vehicles. Lesen motor vehicles ini semenjak 25 tahun dahulu sudah dinaikkan lebih kurang 500%.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyentuh tentang kapal terbang MAS yang sekarang ini ada menjalankan perkhidmatan dari Kuala Lumpur ke Haadyai, Thailand, melalui Pulau Pinang. Sekiranya MAS melalui bandar Alor Star juga bolehlah orang-orang dari Alor Star yang hendak ke Haadyai atau datang ke Kuala Lumpur menaikinya dari sini dan tidak payah pergi ke Pulau Pinang. Jikalau tidak dapat berhenti pada setiap perkhidmatan sekali sahaja pun sudah mencukupi. Oleh yang demikian, saya suka bermohon kepada pihak berkuasa yang berkenaan supaya menimbang perkara ini juga saya ingin mengesyorkan kepada MAS supaya mengadakan perkhidmatan ke Pulau Langkawi supaya pelancung-pelancung dari luar negeri ataupun dalam negeri dapat ke sana dengan senang dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang suka saya menyentuh ialah tentang Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia yang mana saya tahu pertubuhan ini adalah bertujuan untuk menarik pelancung-pelancung dari luar negeri melawat ke negara kita. Di dalam pada itu pula saya berharap dengan pihak yang berkenaan supaya tidak lupa juga bagi memajukan pelancungan di dalam negeri sendiri. Saya ingin memohon kepada pertubuhan ini supaya memberikan pertolongan bagi mewujudkan pelancungan dalam Negeri Kedah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan dengan krisis padi dan beras di Negeri Kedah. Sejak tahun yang lepas harga beras telah melambung naik menyebabkan penghidupan rakyat terdesak. Kedah yang dianggap sebagai jelapang padi Malaysia tidak seharusnya terlibat di dalam krisis ini, walaupun harga padinya dinaikkan menjadi \$15 sepikul seperti yang telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini adalah masih tidak mencukupi, jika dibandingkan dengan harga-harga baja, pengangkutan dan upah yang begitu tinggi sekarang ini dan sebab-sebab inilah telah mengurangkan pendapatan petani-petani

kita. Saya harap, jikalau boleh, Kerajaan akan memberi bantuan baja-baja atau subsidi.

6.10 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan Kewangan Negara kita di Dewan Rakyat pada akhir tahun yang lalu dan Belanjawan itu merupakan gambaran yang jelas bahawa Kerajaan kita tidak hendak menolong untuk membesarkan lagi bahaya inflasi di negara ini dan dengan demikian tidak menaikkan cukai-cukai yang biasanya terdengar pada tiap-tiap kali Mesyuarat Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara kita bagi tahun 1974 ini merupakan suatu belanjawan yang dapat diterima oleh seluruh rakyat, terutama sekali di dalam keadaan inflasi yang sangat mengganggu fikiran rakyat sekarang ini. Walau bagaimanapun kita mengharapkan supaya negara kita yang terlibat sedikit-sebanyaknya di dalam bahang inflasi ini akan dapat diatasi dengan sebaik-baiknya, terutama sekali dengan penolongan yang dibuat di dalam Belanjawan Negara kita bagi tahun ini tidak menaikkan cukai-cukai yang biasanya kita pernah dengar atas kenaikan-kenaikan cukai.

Seperti yang telah kita dengar sebentar ini sahabat saya dari Kedah meminta supaya ditimbangan semula tambang bas daripada empat sen kepada berapa sen yang hendak dia tuntutan itu. Kalau Ahli Yang Berhormat ini menjadi Menteri Kewangan misalnya, maka beliau tidak akan dapat menolong merendahkan inflasi sekarang, sebab tuntutan supaya harga tambang bas itu dinaikkan, jadi bila dinaikkan maknanya akan menyusahkan rakyat juga walaupun satu sen dinaikkan tambang bas itu nanti, dia akan menyusahkan rakyat yang banyak, tetapi di dalam soal-soal ini tentulah ada sebab-sebab kenapa kita harus memikirkan dan kita patut menimbangkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal-soal yang saya catitkan di sini, yang pertama sekali di bawah Kepala B. 7, Perdana

Menteri. Saya mengucapkan tahniah terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang telah berjaya mencapai sesuatu cita-cita kebangsaan kita menjadikan wilayah di sekitar Kuala Lumpur ini menjadikan Wilayah Persekutuan mulai daripada 1hb Februari, 1974 dan kita sekarang pun nampaknya sedang merayakan hari yang bersejarah itu. Apabila Wilayah Persekutuan ini telah dijadikan wilayah yang langsung di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan, maka masaalah-masaalah yang ada di dalamnya adalah merupakan masaalah-masaalah yang secara langsung diambil alih ataupun diatasi oleh Kerajaan Persekutuan sendiri. Selama Wilayah Kuala Lumpur yang sekarang disebut dengan Wilayah Persekutuan itu di bawah Kerajaan Negeri Selangor dahulu, wilayah ini mempunyai masaalah-masaalah yang tidak kecil, yang sulit dan yang rumit di atasi oleh Kerajaan Negeri Selangor sendiri, yang sekarang ini dengan sendirinya manakala wilayah ini menjadi Wilayah Persekutuan dia merupakan masaalah yang dihadapi secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan.

Masaalahnya kita semua mengetahui bahawa masih didapati lagi di dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini daerah-daerah atau kampung-kampung yang terbiar, yang belum lagi dibangunkan. Di dalam Wilayah Persekutuan ini kita dapati ada kampung-kampung yang belum mendapat bekalan-bekalan api, bekalan-bekalan air dan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan jalan yang mereka banggakan sebagai Wilayah Persekutuan (dahulunya Kuala Lumpur). Sebab itu, saya suka menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat menyelesaikan masaalah ini sekalipun kita tidak yakin bahawa masaalah ini dapat diselesaikan dalam tempoh yang pendek, tetapi dia akan dapat diatasi sedikit demi sedikit dan ditunjukkan kepada negara kita ini terutamanya bahawa Wilayah Persekutuan ini merupakan tempat ilham bagi seluruh rakyat dan kemudahan-kemudahan yang didapati di dalamnya adalah kemudahan-kemudahan yang sangat dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan pengistiharan Wilayah Persekutuan ini, kita akan mempunyai suatu pejabat yang khusus bagi menyelesaikan masaalah-masaalah agama. Di Wilayah Persekutuan

ini kita telahpun mempunyai Pejabat ataupun Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di mana kalau saya tidak salah, langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Di dalam Wilayah Persekutuan ini selain daripada Jabatan Hal Ehwal Ugama bagi menyelesaikan masalah perkahwinan, cerai-berai dan sebagainya, di dalam wilayah ini ada masalah-masalah yang lain yang harus diambil berat oleh Jabatan ini iaitu masalah masjid-masjid yang jumlahnya banyak, kalau saya tidak salah, lebih 24 buah masjid-masjid di dalam Wilayah Persekutuan ini. Saya mencadangkan kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Wilayah Persekutuan ini supaya masjid-masjid itu diambil alih ataupun diambil pentadbirannya secara langsung oleh Pejabat Ugama. Dengan erti kata yang lain pegawai-pegawai masjid itu sejak daripada imamnya, perihal masjid itu, bilalnya dan sebagainya adalah imam-imam dan bilal-bilal yang digaji oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama ini dan pentadbirannya diawasi di bawah pengawasan Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam di Wilayah Persekutuan, supaya masjid-masjid di dalam Wilayah Persekutuan ini, ada yang besar, ada yang kecil, ada dalam kampung, ada dalam bandar dapat diselaraskan supaya dapat diperbaiki.

Begitu juga saya suka menarik perhatian Majlis ini supaya mentadbirkan sekolah-sekolah ugama, kalau ada, di dalam Wilayah Persekutuan ini supaya sekolah-sekolah ugama itupun ditadbirkan dengan secara lebih mendatangkan kesan dan faedah.

Kadi-kadi yang akan menjalankan kerjanya di dalam Wilayah Persekutuan ini patut dan mestilah juga mereka itu mendapat tempat yang wajar, yang sesuai sebagai Pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan supaya taraf mereka itu dapat disamakan dengan Pegawai-pegawai Kerajaan yang sepadan dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, soal-soal yang saya sebutkan ini, saya rasa akan menjadi perkara yang penting, yang hendak dihadapi oleh Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam di Wilayah Persekutuan ini. Bersabit dengan Wilayah Persekutuan ini juga seperti yang saya katakan tadi ada daerah-daerah atau kampung-kampung yang di dalam masa di bawah tadbiran daerah Kuala Lumpur, kampung-kampung itu terbiar, maka saya

mengharapkan supaya Jabatan Pentadbiran Wilayah Persekutuan ini akan dapat mengatasi masalah-masalah itu, terutama sekali menyelidiki tanah-tanah di seluruh Wilayah Persekutuan ini di mana kita masih mendapati tanah-tanah di Wilayah Persekutuan ini tanah-tanah yang ditanam ataupun syarat yang ditanam ialah padi. Saya rasa kalau daerah itu termasuk di dalam Wilayah Persekutuan syarat bagi menanam padi di Daerah Persekutuan ini tidaklah menasabah lagi dan patutlah syarat tanah mereka itu dirobah walaupun mereka tidak atau belum memohon supaya diubah syarat tanahnya daripada tanam padi misalnya kepada syarat yang lain. Pentadbir Wilayah Persekutuan ini patut menasihatkan atau membuat rancangan bagi menasihatkan mereka yang mempunyai tanah di mana syaratnya ialah menanam padi ditukar syarat mereka itu kepada syarat perumahan ataupun syarat-syarat yang lain yang lebih ekonomik kepada orang yang mempunyai tanah itu sendiri. Kalau kita tengok Wilayah Persekutuan ini akan masuk ke Segambut dan sedikit kawasan di Gombak dan di antara jalan dua ini kita dapati di situ ada banyak Kawasan-kawasan Tanah Rizab Melayu (Malay Reservation) di mana tanah itu kebanyakannya ada yang ditanam dengan padi sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada Pentadbir Wilayah Persekutuan ini oleh kerana orang-orang kita walaupun ada yang tinggal di Wilayah Persekutuan ini dekat dengan Kuala Lumpur, tetapi ada yang tidak tahu syarat-syarat tanah, dan ini mungkin agaknya juga akan menolong kepada Kementerian Kemajuan Tanah supaya memerhatikan masalah ini dan menahan mereka yang mempunyai tanah ini atau menasihatkan kepada mereka yang mempunyai tanah supaya tidak menjualkan tanah mereka dengan tergesa-gesa pada saat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, harga tanah sekarang ini disekitar kampung-kampung di dalam Wilayah Persekutuan telah naik begitu melompat-lompat yang kalau 5 tahun dahulu harga seekar hanya \$2,000-\$3,000 dan 2-3 tahun yang sudah barangkali \$4,000 tetapi sekarang seekar sudah sampai kepada 40,000; \$50,000 seekar dan ini masih lagi dikejar oleh orang yang mempunyai wang. Kalau sekiranya orang-orang yang mempunyai tanah di dalam daerah Wilayah

Persekutuan ini tidak sabar melihat jumlah wang yang begitu banyak, akhirnya mereka akan keluar juga daripada Wilayah Persekutuan ini ke wilayah-wilayah yang lain dalam Negeri Selangor. Oleh itu, saya menarik perhatian kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan juga kepada Jabatan Perdana Menteri dan Pentadbir Wilayah Persekutuan ini supaya mengambil usaha bagi menasihatkan mereka yang mempunyai tanah supaya tidak tergesa-gesa sekarang ini menjual tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarik perhatian di bawah Kepala Jabatan Perdana Menteri kepada PERNAS misalnya, iaitu kegiatan-kegiatan PERNAS dan UDA di mana PERNAS dan UDA telah menjadi simbol kepada kebanyakan daripada orang-orang yang tidak begitu memahami bahawa PERNAS dan UDA ini adalah dua lembaga, dua badan yang menoiiong secara langsung kepada kegiatan bumiputra di dalam urusan-urusan perniagaan. Saya menarik perhatian Kerajaan supaya PERNAS dapat mengemukakan kajian setengah tahunnya seperti Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ini membuat kajian dan mengemukakan kajiannya supaya tidak menjadi masalah yang diragukan selamanya. Sejauh manakah PERNAS telah benar-benar dapat menolong bumiputra di dalam bidang perusahaan dan perekonomian dan dapatkah PERNAS mencapai cita-cita Rancangan Malaysia Kedua dan juga berdasarkan kepada Dasar Ekonomi baru. Begitu juga halnya dengan UDA, kerana sudah banyak diragukan, disangsikan bahawa UDA akan merampas hak orang lain dan diberikan kepada orang-orang bumiputra, maka ada baiknya UDA juga mengemukakan buku kajiannya dan kalau dapat dibentangkan di dalam Dewan ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat di kedua Dewan ini dapat memahami sejauh mana yang sebenarnya kerja yang telah dibuat oleh PERNAS dan UDA serta badan-badan yang lain sepertinya itu di dalam bidang menolong orang-orang kita Melayu di

dalam penyertaannya dalam bidang ekonomi dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada kegiatan-kegiatan yang dibuat oleh Tabung Haji di masa-masa yang akhir ini. Kegiatan Tabung Haji pada masa dahulu sudah menjadi kecaman daripada golongan-golongan tertentu bahawa Tabung Haji tidak memberi faedah kepada orang-orang Islam, maka Tabung Haji telah menjalankan kerjanya yang dapat memberi pertolongan kepada orang-orang Islam dan akhirnya Tabung Haji itu mendapat sambutan yang baik. Di masa-masa yang akhir ini sambutan yang diberikan oleh umat-umat Islam kepada Tabung Haji sangat menggalakkan dan target atau matlamat yang diharapkan telahpun hampir-hampir sampai, tetapi di dalam perkhidmatan Tabung Haji kepada Bakal-bakal Haji di saat-saat yang akhir ini sangat mengecewakan kita sekali.

Kalau kita tanya kepada setiap orang yang menghantar orang yang hendak pergi ke Mekah, baik dengan melalui jalan laut mahu pun melalui kapalterbang mereka akan merasa kesal kepada perkhidmatan yang dibuat oleh Tabung Haji. Perkhidmatan yang dilakukan oleh Tabung Haji ini beralih-alih. Sekali disebutkan bahawa kapalterbang akan berlepas dari Subang hari Sabtu misalnya, mereka pada hari Sabtu itu pagi-pagi lagi sudah sampai di situ, tahu-tahu kapalterbang tak ada. Lapanganterbang Subang, Tuan Yang di-Pertua, jauh daripada bandar. Kalau hendak makan dalam restorannya itu susah, sebab mahal. Orang kampung tak sanggup masuk ke dalam restoran itu sebab mahal. Bukan sahaja mahal, tetapi tahu sama tahu sahajalah, keadaan di lapanganterbang. Jadi terpaksa orang yang menghantar itu berulang-alik daripada lapanganterbang ke Kuala Lumpur ataupun pergi ke hotelnya menyebabkan beberapa kerumitan, kesulitan yang tidak sedikit. Barangkali mungkin agaknya pentadbiran ataupun orang-orang yang tertentu di dalam Tabung Haji ini tidak begitu didikasi di dalam mentadbirkan

Tabung Haji walaupun sudah ditambah beberapa pegawai, pengerusi, timbalan dan sebagainya bukan mengurangkan masalahnya tetapi menambahkan masalah. Jadi menambah orang dengan menambah masalah itu sejajar dan setaraf. Lebih baik orang yang ditambah tak ada masalahnya, tak bertambah. Bila ditambah orangnya, masalahnya bertambah. Saya rasa eloklah Tabung Haji memikirkan masalah ini dengan agak meluas sedikit dan dengan lapang dada sedikit. Misalnya, sebelum naik haji tahun ini, orang pergi ke Mekah melalui

kapalterbang melalui satu badan yang lain. Badan dan agensi lain itu membuat perusahaannya pergi ke Mekah dan dia sendiri menguruskan orang itu ke Mekah dan Tabung Haji

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 5hb Februari, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.